

**(Majlis Mesyuarat disambung
semula pada pukul 2.30 petang)**

Yang Berhormat Yang Di-Pertua:

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

Ahli-Ahli Yang Berhormat. **اَلْحَمْدُ لِلّٰهِ** kita dapat bersidang semula pada petang ini bagi menyambung perbincangan tentang Rang Undang-Undang (2022) Perbekalan, 2022/2023 yang telah pun dicadangkan oleh Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II. Maka, bagi membolehkan kita membincangkan dan duduk bersama-sama dalam Peringkat Majlis Mesyuarat Jawatankuasa, saya tangguhkan Persidangan Majlis Mesyuarat Negara ini dan kita akan bersidang semula di Peringkat Jawatankuasa sepenuhnya.

(Majlis Mesyuarat ditangguhkan)

**(Majlis bersidang sebagai
Jawatankuasa)**

Yang Berhormat Pengerusi:

Ahli-Ahli Yang Berhormat. **بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ** Majlis sekarang bersidang semula di Peringkat Jawatankuasa sepenuhnya bagi menimbang RANG Undang-Undang (2022) Perbekalan, 2022/2023 satu per satu yang dicadangkan oleh Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II. Pada Mesyuarat Jawatankuasa yang kita adakan pada sebelah pagi tadi, kita telah berjaya meluluskan Tajuk Kementerian Hal Ehwal Ugama dan Kementerian

Pembangunan. Saya harap pada petang ini kita akan meluluskan beberapa tajuk kementerian-kementerian yang lain lagi.

Ahli-Ahli Yang Berhormat. Saya ada menerima permohonan daripada Yang Berhormat Kementerian Kesihatan supaya kementeriannya akan dapat dahulu dibincangkan di Peringkat Jawatankuasa ini. Maka saya kira adalah berpatutan keizinan diberikan bagi mendahulukan Kementerian Kesihatan.

Yang Dimuliakan Jururutulis: Tajuk SM01A Kementerian Kesihatan.

Yang Berhormat Pengerusi: Ahli-Ahli Yang Berhormat. Mesyuarat Jawatankuasa beralih kepada Tajuk Kementerian Kesihatan. Sebelum Belanjawan Kementerian Kesihatan ini dibukakan untuk dibahaskan sepertimana lazim, saya ingin memberikan laluan pada Yang Berhormat Menteri Kesihatan untuk memberikan mukadimahnyanya tentang hala tuju penyediaan belanjawan bagi kementeriannya itu. Sekarang saya persilakan Yang Berhormat Menteri Kesihatan

Yang Berhormat Menteri Kesihatan:

Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

... رَبِّ اشْرَحْ لِي صَدْرِي. وَيَسِّرْ لِي أَمْرِي.
وَاحْلُلْ عُقْدَةً مِنْ لِسَانِي. يَفْقَهُوا قَوْلِي

اَلْحَمْدُ لِلّٰهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلٰى اَشْرَفِ
الْاَنْبِيَاءِ وَالْمُرْسَلِينَ وَعَلٰى اٰلِهِ وَصَحْبِهِ اَجْمَعِينَ.

Yang Berhormat Pengerusi, Ahli-Ahli Yang Berhormat.

السلام عليكم ورحمة الله وبركاته dan salam sejahtera.

اللَّهُمَّ بِسْمِكَ نَسْتَعِينُ bersyukur kita ke hadrat الله سبحانه وتعالى kerana dengan rahmat, izin dan limpah kurnia-Nya jua kita dapat berkumpul pada hari ini di Musim Permesyuarat Kelapan Belas Majlis Mesyuarat Negara bagi tahun 2022 Masih bersamaan 1443 Hijrah. Selawat serta salam ke atas Junjungan Besar kita صلى الله عليه وسلم kaum keluarga, para sahabat dan pengikut-pengikut baginda yang taat setia lagi jujur hingga ke akhir zaman.

Kini sudah menjangkau hampir 2 tahun berdepan dengan situasi wabak *COVID-19* yang masih saja memberi kesan terhadap kehidupan seharian masyarakat Brunei di negara ini. Kita telah pun menyaksikan sendiri bahawa wabak *COVID-19* bukan sahaja telah menjejaskan tahap kesihatan global bahkan juga telah membantutkan ekonomi dan pembangunan sosial, mencabar kestabilan politik malah melumpuhkan pertahanan keselamatan di sesetengah negara di dunia. Jika keadaan ini berterusan, tentu sahaja ianya memberi ancaman yang besar terhadap kemakmuran, kesejahteraan dan keselamatan di negara kita yang tercinta ini khususnya dan di seluruh dunia amnya.

Namun kita redha sebagaimana pemimpin negara kita telah redha dengan ketentuan الله سبحانه وتعالى supaya

tiada upaya kita sebagai manusia untuk mengatasi ketetapan dan kehendak-Nya sepertimana titah perutusan khas baginda pada 11 Disember 2021:

“Kita menyempurnakan tanggungjawab dengan ikhtiar dan tawakal. Inilah dua bentuk usaha yang menjadi kunci kejayaan kita mencapai apa yang dihasratkan”

Begitu juga firman الله سبحانه وتعالى dalam Surah An-Nahl ayat 42 yang kira-kira bermaksud:

“Iaitu orang-orang yang sabar dan hanya kepada Tuhan saja mereka bertawakal”

Rangka Kerja Pemulihan (*Recovery Framework*) kepada kehidupan norma baharu perlu dilaksanakan sebaik mungkin kerana ianya telah pun disusun dengan penuh berhati-hati demi memelihara kesejahteraan negara dan rakyat serta penduduk di negara ini. Begitu juga dengan perancangan-perancangan yang telah pun kita atur sebelumnya supaya tidak jauh tersasar atau tersimpang akibat *COVID-19*. Sokongan dan kerjasama dari semua pihak terus kita harapkan sebagaimana kita telah pun bersatu padu dan berganding bahu secara *whole of nation semasa* menangani wabak dari gelombang pertama lagi. Kini kita telah memasuki fasa endemik dan sepertimana yang dijangkakan, penurunan sepenuhnya kes-kes jangkitan tidak akan dapat dipastikan selagi virus korona *COVID-19* masih lagi

berlegar di seluruh di muka bumi Negara Brunei Darussalam.

Maka kita harus meneruskan perjuangan dengan berpandangan ke hadapan dan menumpukan perhatian kepada usaha untuk memulihkan ekonomi dan mengembalikan semula norma kehidupan masyarakat yang tidak mampu kita laksanakan sebelum ini seperti keperluan pekerjaan, persekolahan, keselesaan beribadat di masjid-masjid, aktiviti perekonomian dan riadah yang bukan sahaja telah mendatangkan kepayahan dalam menjalani rutin kehidupan harian, malah sedikit sebanyak memberi kesan terhadap kesejahteraan mental dan fizikal orang ramai.

Pengukuhan semula sistem kesihatan yang terjejas akibat kesihatan yang terjejas akibat *COVID-19* akan menjadi fokus utama Kementerian Kesihatan kerana ianya adalah tanggungjawab kepada kelangsungan perkhidmatan-perkhidmatan penjagaan kesihatan sepanjang hayat. Oleh itu, fokus Belanjawan Kementerian Kesihatan bagi Tahun Kewangan 2022/2023 ialah akan penekanan semula dan penambahbaikan nilai-nilai utama dan aktiviti utama (*core business*) Kementerian Kesihatan yang merangkumi aspek-aspek rawatan pesakit, pencegahan penyakit-penyakit berjangkit dan tidak berjangkit, dan penyampaian perkhidmatan perubatan terbaik kepada orang ramai selaras dengan pelaksanaan inisiatif dibawah Pelan Strategik Kementerian Kesihatan 2019/2023.

Tema Belanjawan Tahun Kewangan 2022-2023 ialah "*Sistem Kesihatan Yang Dinamik dan Resilien*". Untuk mencapai hasrat berkenaan keutamaan kepada perkara-perkara berikut akan ditumpukan:

- Penyampaian perkhidmatan perubatan yang terbaik, profesional dan berdaya tahan. Ini termasuklah membuat pelaburan yang lebih strategik dalam pembangunan kapasiti, profesionalisme dan kemahiran di Kementerian Kesihatan bukan sahaja di kalangan kakitangan perubatan malahan di bidang perkhidmatan dokongan, pengurusan dan kewangan bagi memastikan ketelusan dan kecekapan dalam penyampaian perkhidmatan kepada orang ramai;
- Menitikberatkan kepada inisiatif-inisiatif yang berkaitan dengan pencegahan awal khususnya Program Saringan Bagi Penyakit-Penyakit Tidak Berjangkit.;
- Memastikan keberkesanan penggunaan sumber atau aset yang efisien termasuklah perbelanjaan yang lebih berhemah, penggunaan infrastruktur yang sedia ada dengan memberikan keutamaan kepada pemuliharaannya dan pemeliharaan peralatan-peralatan perubatan mengikut jangka masa yang sepatutnya. Ini juga termasuk meningkatkan kolaborasi dengan pihak-pihak swasta melalui penyumberluaran perkhidmatan dan melalui *public private partnership*.;

- Menerapkan inovasi dalam pemberian perkhidmatan dan mengambil faedah daripada perkembangan teknologi perubatan dalam era Industri Revolusi 4.0 dan mensejajarkannya dengan *Digital Economy Master Plan*. Perkembangan penggunaan *Artificial Intelligence*, aplikasi mudah-alih (*mobile application*) seperti *BruHealth*, *video consultation* dan penggunaan media sosial dalam penyampaian perkhidmatan dan maklumat akan terus dikembangkan.;
- Memberikan keutamaan kepada usaha-usaha bagi menangani isu-isu kesihatan mental.; dan
- Menyumbang kepada meningkatkan hasil kerajaan melalui pengurusan pengutipan hasil yang lebih cekap dan secara berterusan dan meneliti kos-kos perubatan agar mengurangkan subsidi kerajaan kepada pekerja-pekerja asing yang sudah sepatutnya diliputi dengan insuran kesihatan mandatori.

اللَّحْمَدُ لِلَّهِ peruntukan keseluruhan Tahun Kewangan 2022/2023 yang disokong bagi Kementerian Kesihatan menunjukkan peningkatan sebanyak 1.2 % iaitu \$391,937,883.00 berbanding pada tahun 2021/2022 iaitu berjumlah \$387,211,117.00. Sebahagian besar peruntukan adalah bagi membiayai gaji kakitangan iaitu sebanyak 58.3 % dan selebihnya adalah bagi Perbelanjaan Berulang-Ulang iaitu 41.7%; dan Pebelanjaan Kemajuan 1.5%.

اللَّحْمَدُ لِلَّهِ pelaburan negara di sektor kesihatan meskipun dianggap kecil berdasarkan kepada kadar daripada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK), yang mana masih rendah berbanding negara-negara lain, malahan pencapaian negara ini adalah di tahap yang baik jika dinilai daripada status kesihatan rakyat dan penduduk di negara ini melalui pencapaian petunjuk-petunjuk kesihatan global khususnya di bawah Matlamat Pembangunan Mampan atau *Sustainable Development Goals (SDGs)* yang berkaitan kesihatan khususnya petunjuk-petunjuk *vital* termasuk kadar kematian anak damit, kadar kematian ibu semasa melahirkan, dan *prevalen* penyakit berjangkit seperti HIV yang kekal ditahap yang rendah. Dan kadar jangka hayat, Indeks Liputan Kesihatan Sejagat (*Universal Health Coverage Index*), liputan penjagaan antenatal dan imunisasi serta rawatan bagi penyakit TB, adalah kekal ditahap yang tinggi.

Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-Ahli Yang Berhormat.

Sistem kesihatan yang dinamik dan resilien perlu dititikberatkan bagi memastikan penduduk negara ini mampu membangun negara ke arah pencapaian sosioekonomi yang mampan dan berkembang pesat dan maju. Sistem kesihatan yang dinamik mampu berganding dengan perubahan positif yang bergerak selaras dengan pertumbuhan penduduk, revolusi teknologi, dan peralihan sosio-budaya dan pembangunan minat orang ramai disamping memelihara falsafah negara dan nilai-nilai beragama. Manakala

sistem kesihatan yang resilien mampu bertahan meski apapun cabaran yang akan ditempuh oleh negara.

Selaras dengan tema ini, Kementerian Kesihatan mempunyai aspirasi untuk menjadikan sektor kesihatan sebagai salah satu sektor yang menyumbang kepada perekonomian negara dan mampu meningkatkan Keluaran Dalam Negara Kasar (*KDNK*) serta mampu mewujudkan persekitaran yang kondusif bagi perkembangan industri perubatan dan kesihatan di negara ini. Ini termasuk perkembangan industri-industri yang berunsurkan perubatan, tenaga profesional, perkhidmatan perubatan khusus, pelaburan infrastruktur, penyelidikan, teknologi perubatan dan transformasi digital dalam penjagaan kesihatan dalam jangka masa panjang.

Pelan Strategik Kementerian Kesihatan 2019/2023 terus dijadikan peta jalan bagi pelaksanaan inisiatif-inisiatif jangka masa sederhana. Lebih kurang 70 peratus daripada inisiatif-inisiatif strategik telah dapat dilaksanakan pada jangka masa yang telah ditetapkan sehingga bulan Disember 2021.

اللَّهُمَّ apa yang telah dilaksanakan oleh Kementerian Kesihatan setakat ini tidaklah jauh dari inisiatif-inisiatif yang telah dikenalpasti di dalam Pelan Strategik Kementerian Kesihatan yang sememangnya telah disejajarkan dengan Strategi Wawasan 2035. Memang menjadi satu komitmen yang tinggi dari Kementerian Kesihatan untuk memberikan perkhidmatan yang responsif kepada keperluan orang ramai agar rakyat dan penduduk dapat menikmati kualiti kehidupan yang tinggi

selaras dengan matlamat strategik Wawasan Brunei 2035.

Ke arah itu, penambahbaikan terhadap perkhidmatan-perkhidmatan perubatan dan kesihatan akan terus diusahakan disamping memastikan kelangsungan perkhidmatan-perkhidmatan penting sentiasa *accessible* kepada seluruh rakyat dan penduduk. Perkembangan perkhidmatan sejak 5 tahun kebelakangan ini menunjukkan kemajuan yang memberangsangkan.

Bagi Tahun Kewangan 2021/2022, beberapa perkembangan telah dicapai khususnya penambahbaikan perkhidmatan klinikal seperti penambahan unit dialisis bagi pesakit buah pinggang yang diusahakan bersama dengan pihak *Jerudong Park Medical Centre*. Pemindahan Pusat Panggilan 991 ke Hospital Raja Isteri Pengiran Anak Saleha serta penambahan jumlah kenderaan ambulans. Penambahbaikan perkhidmatan audiologi khususnya Program Saringan Pendengaran Anak Damit Yang Baru Lahir bagi intervensi awal masalah pendengaran supaya anak-anak tersebut berpeluang untuk menikmati kualiti kehidupan yang baik dari segi akademik, sosial dan sebagainya.

Selain itu, pembinaan Makmal Klinikal Diagnostik Molekular bagi Penyakit Berjangkit di Daerah Tutong juga telah siap dilaksanakan yang mana mendukung kepada Matlamat Strategik Kementerian Kesihatan dalam memastikan kesiapsiagaan negara dalam menangani penyakit-penyakit berjangkit

dan menjamin keselamatan kesihatan awam di negara ini.

Keupayaan negara menjalankan Ujian *Genomic Sequencing* dalam mengenal pasti varian *COVID-19* adalah salah satu lagi pencapaian terkini yang telahpun direalisasikan melalui kerjasama dengan pihak sektor swasta. Kolaborasi ini telah banyak membawa kebaikan kepada kapasiti negara dalam menangani kecemasan kesihatan awam khususnya dalam menjalankan ujian-ujian diagnostik semasa Wabak *COVID-19*.

Dengan adanya penglibatan daripada sektor swasta dalam sama-sama menyampaikan perkhidmatan kepada orang ramai, telah menghasilkan impak positif dan peluang yang boleh direbut melalui hubungan kerjasama di antara sektor awam dan swasta termasuk peluang-peluang pekerjaan dan peningkatan tenaga profesional dan teknikal.

Inisiatif perkongsian sumber khususnya profesional kesihatan telah menampakkan kemajuan yang memberangsangkan seperti penempatan tenaga profesional yang diperbantukan oleh pihak perubatan swasta khususnya *Pantai Jerudong Specialist Centre*, *Jerudong Park Medical Centre*, *Gleneagles JPMC* dan Pusat Perubatan Panaga. Di kemudahan perubatan kerajaan, telah banyak membantu negara dalam pengurusan sumber tenaga manusia penting semasa penanganan wabak *COVID-19*.

Sokongan daripada pihak-pihak yang berkepentingan dalam membantu pengambilan pekerja-pekerja sementara untuk memastikan kelangsungan operasi pengurusan wabak di negara ini juga adalah sangat dihargai. Apa yang diharapkan, inisiatif ini akan dapat membantu mereka untuk jadi *marketable* melalui pengalaman dan kemahiran yang mereka perolehi dan berpeluang untuk mendapat pekerjaan tetap sekaligus mengurangkan kadar pengangguran di negara ini.

Sebagai contoh baru-baru ini, kolaborasi bersama pihak *Comquest Sendirian Berhad* bagi mengambil alih operasi pusat-pusat panggilan bagi *COVID-19* yang mana dihasratkan akan membuka lebih banyak peluang bagi pengambilan anak-anak tempatan untuk berkhidmat di bawah syarikat berkenaan.

Usaha untuk menambah jumlah profesional kesihatan tidak akan berhenti selagi kita belum mencapai kadar nisbah profesional bagi sejumlah penduduk yang ideal dan ini adalah ketara bagi keperluan jumlah jururawat. Nisbah yang disarankan dalam Matlamat Pembangunan Mampan bagi Jururawat ialah 83 jururawat bagi setiap 10,000 penduduk. Negara Brunei Darussalam mempunyai nisbah 71 orang jururawat bagi setiap 10,000 penduduk. Ini menunjukkan kekurangan yang kritikal yang boleh membawa kesan terhadap kualiti perkhidmatan perubatan dan kesihatan di negara ini.

Jumlah keramaian doktor dan jururawat yang berkhidmat di Kementerian Kesihatan, telah meningkat sejak 5 tahun

kebelakangan. Jumlah doktor pada Tahun Kewangan 2017/2018 ialah seramai 630 orang dan meningkat kepada 772 orang pada Tahun Kewangan 2021/2022. Dari jumlah ini, seramai 397 orang atau 51% adalah terdiri daripada doktor-doktor tempatan. Peningkatan jumlah doktor di sektor swasta dan juga menyumbang kepada peningkatan nisbah doktor kepada penduduk iaitu 19 orang doktor bagi setiap 10,000 penduduk pada tahun 2017 berbanding 25 orang doktor bagi setiap 10,000 penduduk pada tahun 2021.

Manakala jumlah jururawat mula meningkat daripada 2,413 orang kepada 2,683 orang bagi tempoh yang sama. Walau bagaimanapun, penjanaan jumlah profesional yang diperlukan adalah terlalu lambat yang antara lain disebabkan oleh tempoh yang diperlukan untuk mengeluarkan profesional yang mempunyai kepakaran khusus mengambil masa yang lama dan tidak selari dengan pertumbuhan jumlah penduduk Negara Brunei Darussalam. Lebih-lebih lagi tren demografik negara yang menunjukkan peningkatan jumlah warga emas menjelang tahun 2050 antara yang tertinggi di rantau ASEAN, sememangnya menimbulkan kerisauan terhadap penyediaan sumber tenaga manusia yang mencukupi pada kadar *turnover* yang stabil dalam jangka masa panjang.

Oleh itu, Kementerian Kesihatan terus mengukuhkan lagi peranannya sebagai salah satu agensi utama dalam

penjanaan profesional kesihatan yang berkualiti tinggi. Baru-baru ini, Kementerian Kesihatan telah memeterai satu Memorandum Persefahaman *tripartite*, dengan pihak *Jerudong Park Medical Centre* dan *Far Eastern University*, Republik Filipina bagi penubuhan Sekolah Kejururawatan swasta di Negara Brunei Darussalam yang dihasratkan akan dapat meningkatkan jumlah jururawat yang sangat diperlukan pada masa ini.

Ketersediaan sumber tenaga profesional juga akan mempengaruhi perkembangan infrastruktur kesihatan. Rancangan-rancangan kemajuan infrastruktur kesihatan yang dijalankan oleh Kementerian Kesihatan banyak mengambilkira perkara ini bagi memastikan semua infrastruktur yang dibangunkan akan dapat dimanfaatkan sepenuhnya dengan adanya profesional dan kakitangan yang menjalankan operasi perkhidmatan.

Beberapa projek kemajuan sedang dalam penelitian antara lain ialah penambahbaikan Bangunan Makmal Rujukan Virologi Kebangsaan, Jalan Sumbiling, yang merupakan sebuah makmal rujukan kebangsaan yang diiktiraf oleh Pertubuhan Kesihatan Sedunia bagi kajian dan ujian makmal khusus bagi mencegah penyakit berjangkit dan pembinaan sebuah Pusat Kesihatan bagi kawasan-kawasan tadahan yang memerlukan perkhidmatan penjagaan kesihatan asasi di peringkat komuniti.

Tanpa adanya sumber tenaga profesional yang mencukupi dan infrastruktur yang

lengkap akan menyukarkan pihak Kementerian Kesihatan untuk menyediakan perkhidmatan yang komprehensif yang mana akan menjejaskan *accessibility* orang awam terhadap perkhidmatan-perkhidmatan kesihatan penting yang disediakan oleh pihak kerajaan. Maka di sinilah, Kementerian Kesihatan mengambil inisiatif untuk menerapkan inovasi dalam penyampaian perkhidmatan kepada pesakit dan orang ramai secara amnya.

Projek-projek penyumber luar beberapa perkhidmatan seperti yang kaola sebutkan di awal mukadimah tadi akan terus dipelopori dengan membuka ruang-ruang kerjasama yang padu dengan pihak-pihak swasta. Ini adalah sebahagian dari usaha kerajaan untuk memangkin pertumbuhan ekonomi dengan memberi keutamaan kepada pelaburan dalam sektor industri perkhidmatan yang bukan sahaja dibukakan kepada pelabur tempatan malah juga kepada pelabur asing.

Setakat ini Kementerian Kesihatan telah memanfaatkan beberapa kolaborasi yang ditubuhkan dengan pihak-pihak swasta dalam penyampaian perkhidmatan yang inovatif dan mudah seperti tele-konsultasi, penyatupaduan (*consolidation*) perkhidmatan-perkhidmatan, pengenalan perkhidmatan baru atas talian, pengurusan diri pesakit seperti akses kepada keputusan ujian makmal melalui rekod perubatan digital dan membuat tempahan bagi perkhidmatan-perkhidmatan tertentu seperti vaksinasi, perjanjian di klinik-klinik dan sebagainya. Inisiatif terbaru ialah penyumber khidmat *swabbing* yang

mana membolehkan pihak perubatan swasta dan syarikat tertentu untuk memberikan khidmat tersebut di bawah kawalan dan pemantauan Kementerian Kesihatan.

Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Tema Belanjawan 2022/2023 adalah amat bertepatan dengan usaha untuk memodenkan perkhidmatan dan operasi perkhidmatan awam secara keseluruhannya. Hasrat untuk menggerakkan transformasi digital dalam perkhidmatan awam bukanlah suatu perkara yang baru dan asing, malah telah digariskan dengan jelas dalam Strategi Wawasan Brunei 2035, Pelan Induk Ekonomi Digital dan Pelan Strategik Kementerian Kesihatan ke arah Urustadbir Yang Telus dan Proaktif.

Perkembangan teknologi digital, khususnya dalam sektor perkongsian data serta maklumat merupakan landasan yang penting dan harus diaplikasikan secara meluas dalam meneruskan kelangsungan perkhidmatan awam, bukan sahaja semasa pengurusan pandemik *COVID-19* malah harus dirangkul dalam semua perkhidmatan dan pengoperasian agensi-agensi yang berkepentingan di negara ini. Dengan adanya perkembangan digital ini, Negara Brunei Darussalam mampu menjadi pesaing yang hebat dalam menerajui sektor ekonomi digital yang cekap dan proaktif di rantau ini.

Oleh itu, Kementerian Kesihatan semakin giat dalam menaiktaraf sistem dan infrastruktur teknologi maklumat kesihatan dan berusaha untuk membudayakan ekosistem data

kesihatan di negara ini. Kerja-kerja penaiktarafan Sistem BruHims masih dalam fasa perancangan dan ان شاء الله akan siap dilaksanakan pada tahun 2024 tetapi ke arah itu, pelbagai projek penaiktarafan telahpun dibuat yang mana termasuk menaiktaraf infrastruktur rangkaian (*network*) di Bangunan Kementerian Kesihatan dan penaiktarafan infrastruktur teras Sistem BruHims di Hospital Raja Isteri Pengiran Anak Saleha dijangka akan siap pada penghujung bulan April tahun ini. Manakala, penubuhan Sistem Infrastruktur Pemulihan Bencana (*Disaster Recovery Centre*) bagi Sistem BruHealth telah siap dilaksanakan pada pertengahan bulan Februari tahun ini. Prospek perkembangan teknologi di negara ini adalah sangat menggalakkan.

Penubuhan Kampus *Data Global* dengan kerjasama *EVYD Technology Sdn Bhd* di Negara Brunei Darussalam nanti akan memaksimumkan penggunaan teknologi terkini seperti *Big Data* dan *Artificial Intelligence* untuk memacu kemampuan dalam sistem penjagaan kesihatan dan komitmen terhadap transformasi dan penyelidikan penjagaan kesihatan digital. Pencapaian berperingkat ini menunjukkan kemajuan positif sejak Sistem BruHealth diperkenalkan yang pada mulanya digunakan bagi pengurusan Wabak *COVID-19*. Dalam masa yang terdekat, Sistem BruHealth akan di naiktaraf kepada versi 3.0 dan akan dilancarkan dengan penambahan ciri-ciri seperti Pengurusan Kesihatan, Pengurusan Kesihatan Penduduk dan pembaharuan

dan pembaikan ke atas ciri-ciri yang sedia ada pada versi-versi Bruhealth sebelumnya. Beberapa projek telah diperkenalkan dengan menggunakan aplikasi BruHealth sebagai *platform*, iaitu seperti *The Check-In Challenge* dan *The One Billion Steps Challenge* yang akan dilancarkan tidak lama lagi.

Dalam kita mengenalkan teknologi sebagai platform dalam pengurusan penjagaan kesihatan, Kementerian Kesihatan tidak lupa akan keselamatan siber dimana pihak Kementerian Kesihatan telahpun bekerjasama dengan pihak *Cyber Security* Brunei untuk memastikan sekuriti sistem *BruHealth* sentiasa dalam keadaan yang optimum dan selamat.

Persidangan Khas Menteri-Menteri ASEAN yang dianjurkan oleh *EVYD Technology Sdn Bhd* dengan kerjasama daripada Kementerian Kewangan dan Ekonomi, Agensi Pelaburan Brunei dan Kementerian Kesihatan pada bulan Oktober 2021 yang lalu, telah membuka satu lagi *avenue* bagi memangkin kerjasama serantau dalam sektor perkongsian data dan maklumat ke arah kemakmuran rantau ASEAN yang sangat penting bagi pertumbuhan ekonomi Negara Brunei Darussalam. Melalui persidangan ini, Kementerian Kesihatan berhasrat untuk memastikan perbincangan dan inisiatif kerjasama yang merentasi peringkat ASEAN dapat dikekalkan dan dibangunkan untuk membolehkan warga ASEAN mendapat akses yang saksama kepada penjagaan kesihatan.

Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Mempengaruhi sikap orang ramai terhadap penjagaan kesihatan diri adalah merupakan satu cabaran besar buat Kementerian Kesihatan kerana selama ini ianya adalah faktor terpenting dalam memastikan segala usaha yang dicurahkan untuk menurunkan kadar penyakit-penyakit tidak berjangkit dan kematian pramatang di negara ini dapat dilihat hasilnya. Namun apa yang kita nampak tahap kesedaran penduduk dalam mengamalkan gaya hidup sihat itu masih ditahap yang kurang memuaskan, sedangkan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telahpun berulang kali menitikberatkan tentang tanggungjawab kita untuk memelihara kesihatan seperti Titah Baginda sempena Hari Raya Aidilfitri bagi tahun 1437 Hijrah bersamaan 2016 Masihi, "*Kesihatan adalah faktor yang paling penting untuk semua. Jika badan kita sihat, maka semua kerja boleh dibuat dengan baik. Apabila sebaliknya, maka segala aktiviti tidak akan dapat dilakukan dengan sempurna. Inilah harga atau rahsia kesihatan bagi kita.*"

Program-program promosi dan saringan kesihatan akan terus dipertingkatkan dan diharap akan dapat dilaksanakan melalui kaedah yang inovatif dan berkesan bagi meningkatkan *health literacy* dikalangan masyarakat. **اَلْحَمْدُ لِلّٰهِ** Brunei Darussalam *Multisectoral Action Plan for the Prevention and Control of Noncommunicable Diseases (BruMAP-NCD) 2021/2025* akan dilancarkan tidak

lama lagi bagi memberi keutamaan kepada pencegahan, pengesanan awal dan pengurusan penyakit-penyakit tidak berjangkit dan faktor risikonya. Sebagai usaha berterusan pihak Kementerian Kesihatan dalam menentukan halatuju dasar dan strategi bagi pengawalan penyakit-penyakit tidak berjangkit di negara ini.

Seterusnya, sebagai melengkapkan *BruMAP-NCD*, Kementerian Kesihatan dan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan juga sedang bekerjasama dalam meneliti serta mengintegrasikan deraf strategi Penuaan Sihat (*Healthy Ageing*) dengan Pelan Tindakan Warga Emas yang sedang dikemaskini.

Bagi mendokong pelan tersebut, Kementerian Kesihatan telah dan akan terus meneliti serta mengemaskini peranan Jawatankuasa Pelbagai Sektor Mengenai Kesihatan (*Multisectoral Taskforce on Health*) dalam sama-sama mencapai matlamat bidang tumpuan utama yang telah dikenalpasti.

Kementerian Kesihatan juga sedang meningkatkan penjana maklumat melalui kajian-kajian penyelidikan strategik dan peramalan tingkahlaku golongan sasaran bagi mengatur strategi yang mampu mempengaruhi masyarakat secara positif.

Ini termasuklah keperluan untuk mengguna pakai konsep *Behavioural Insight* dan menubuhkan unit yang berkaitan dengan bantuan teknikal daripada pihak Pertubuhan Kesihatan Sedunia untuk mengenalpasti faktor-

faktor yang mempengaruhi tingkah laku individu dalam memelihara kesihatan diri.

Selain dari itu, ان شاء الله, satu kajian rintis mengenai pengurusan dan intervensi penyakit *diabetes* melalui aplikasi *BruHealth* juga akan dijalankan pada bulan Mac hingga September 2022 dengan kerjasama teknikal yang dihulurkan oleh *EVYD Technology Sdn. Bhd.* dalam menghasilkan data bagi mengkaji keberkesanan intervensi perubahan gaya hidup dikalangan pesakit-pesakit Diabetes. Kajian ini juga bertujuan untuk memberi kesedaran serta pendidikan kepada pesakit-pesakit untuk mampu mengawal keadaan penyakit dan kesihatan mereka sendiri sekaligus meningkatkan kualiti kehidupan mereka.

Juga berkaitan adalah isu kesihatan mental. Selain dari usaha untuk mempengaruhi sikap dan minda masyarakat ke arah perubahan yang positif, kita juga berdepan dengan peningkatan masalah kesihatan mental dikalangan masyarakat.

Statistik setakat ini menunjukkan bahawa kemurungan (*depression*) dan keresahan (*anxiety*) dan stres adalah merupakan gejala kesihatan mental yang kerap dihidapi di kalangan penduduk kita dan yang mana, setentunya keadaan ini telah diburukkan lagi semasa kita dilanda oleh pandemik *COVID-19* dalam dua tahun kebelakangan ini.

Pada masa ini, lebih kurang 7,000 orang individu sedang menjalani rawatan kesihatan mental di Jabatan Psikiatri

hospital dan juga di tahap komuniti dalam semua peringkat umur termasuk kanak-kanak dan remaja. Perkara ini menimbulkan kebimbangan apabila terdapat orang yang nekad untuk membunuh diri.

Pada tahun 2020 sahaja, terdapat 14 kematian akibat bunuh diri dicatatkan yang mana 6 daripadanya adalah terdiri dari warga tempatan dan Penduduk Tetap. Dan hanya 3 daripada kes kematian yang dilaporkan ini dicatatkan sebagai pernah mendapatkan Perkhidmatan Psikiatri dan Psikologi. نعوذ بالله من ذلك barang dijauhkan segala perkara yang mengundang kemurkaan jua dan semoga rakyat kita akan diberi ketabahan dalam menghadapi dugaan hidup dengan mempunyai mental yang resilien terhadap apa jua cabaran yang ditempuh.

Perkara ini harus dipandang serius kerana ianya boleh menjerumuskan individu ke arah kehancuran dan tidak syak lagi akan mendatangkan kerugian kepada keluarga, masyarakat dan juga negara kita.

Ke arah mencapai strategi holistik dalam meningkatkan pencegahan masalah kesihatan mental, Kementerian Kesihatan kini sedang memantapkan lagi strategi dengan memformulasikan deraf *Brunei Darussalam's Mental Health Action Plan 2021/2025* yang mengandungi empat (4) strategi utama yang mendokong matlamat Pelan Strategik Kementerian Kesihatan, dan memberi lebih penekanan kepada pendekatan *whole-of-nation* dalam

sama-sama menangani isu kesihatan mental sekaligus melengkap pelan-pelan tindakan kebangsaan yang telahpun ditubuhkan.

Ini termasuklah memanfaatkan serta menggembleng sumber-sumber yang boleh diperolehi daripada sektor awam dan swasta serta sektor bukan kerajaan. Menyedari akan kepentingan isu ini, Negara Brunei Darussalam telah mempamerkan komitmen bukan sahaja dalam mengatasi isu ini di peringkat kebangsaan, malah telah memberi pengiktirafan akan kepentingannya di peringkat global, di mana Negara Brunei Darussalam mengetuai kerjasama dalam bidang kesihatan mental sebagai salah satu *deliverable* di bawah kerjasama *ASEAN* semasa mempengerusikan Sidang Kemuncak *ASEAN 2021*.

Kementerian Kesihatan menyedari akan kepentingan untuk menyalurkan maklumat-maklumat yang berguna bagi pendidikan kesihatan kepada masyarakat. Justeru itu, Kementerian Kesihatan giat berusaha untuk terus mempelopori kaedah-kaedah yang inovatif dalam penyampaian maklumat kepada orang ramai. Dalam perkara ini, Kementerian Kesihatan sangat mengalu-alukan idea-idea dan kritikan yang membangun bagi memperbaiki lagi kualiti maklumat yang disampaikan.

اللَّهُمَّ بِإِذْنِكَ penggunaan media sosial dan info-komunikasi yang disebarkan oleh kejadian *COVID-19* telah banyak mengajar Kementerian Kesihatan untuk terus berhubung dengan orang ramai secara rapat dan berkesan, walaupun

terdapat limitasi dalam menangani komen-komen orang ramai yang begitu banyak sekali yang disebabkan oleh jumlah kakitangan yang terhad.

Para pengendali komen dan aduan orang ramai sedang cuba membuat yang termampu dan yang terbaik. Maka adalah diharapkan orang ramai dan pihak-pihak individu akan dapat memahami keterbatasan yang dialami ini dengan sentiasa berfikiran terbuka dan sabar dalam menerima layanan dari para kakitangan yang bertugas. ان شاء الله di atas kesabaran itu الله سبحانه وتعالى akan membukakan jalan bagi meringankan kesusahan dan memudahkan segala urusan kita yang berkebjajikan.

Sebelum menutup mukadimah ini, kaola ingin mengambil kesempatan ini untuk mengulangi ucapan setinggi-tinggi terima kasih dan penghargaan bagi pihak seluruh warga Kementerian Kesihatan kepada semua pihak yang terlibat terutamanya agensi-agensi kerajaan, bukan kerajaan, pihak swasta dan orang ramai di atas kerjasama yang telah diberikan dan sokongan berterusan dalam penanganan wabak *COVID-19* setakat ini.

Baik dari segi pembentukan halatuju dasar dan strategi serta pengoperasian aktiviti-aktiviti pengurusan termasuk kesukarelawanan, penguatkuasaan peraturan dan SOP, penyediaan infrastruktur dan lojistik, sumbangan-sumbangan derma dan bantuan dari segi *material* dan peralatan yang tidak henti-henti. Malah atas doa-doa yang dipanjatkan serta zikir-zikir yang dilafazkan dengan tidak jemu-jemu demi

memohon rahmat, pengampunan dan izin dari الله سبحانه وتعالى untuk membebaskan Negara Brunei Darussalam dari wabak ini.

Penghargaan yang tidak terhingga kepada semua petugas-petugas barisan hadapan yang tetap akur dan bersabar dengan keadaan. Terus berjuang dan berkorban untuk memberikan yang terbaik kepada orang ramai terutama sekali semasa negara sedang berdepan dengan gelombang ketiga pada masa ini.

Sesungguhnya الله سبحانه وتعالى maha mengetahui segala amal kebajikan yang mereka kerjakan, maka semoga Allah membalas jasa dan bakti mereka kepada negara dengan ganjaran pahala yang berlipat kali ganda dan dikurniakan afiat dan kesejahteraan bagi mereka dan ahli-ahli keluarga mereka. آمين يارب العالمين

Sekian saja yang ingin kaola sampaikan mengenai strategi utama dan fokus bagi perbelanjaan Kementerian Kesihatan bagi Tahun 2022/2023 serta pencapaian bagi Tahun 2021/2022 sebagai mukadimah. Dan kaola sukacita mengucapkan berbilang terima kasih kepada Yang Berhormat Pehin Pengerusi atas kesempatan ini. Sekian, terima kasih.

Yang Berhormat Pengerusi: الْحَمْدُ لِلَّهِ kita mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri Kesihatan di atas huraian mukadimah yang diberikan dengan cukup jelas dan komprehensif. Dan juga kita sentiasa berdoa semoga الله سبحانه وتعالى mengurniakan segala ketabahan dan kecekalan kepada Yang Berhormat dan

pegawai-pegawai serta kakitangan di bawahnya dalam menjalankan tugas-tugas mereka yang penting lagi mencabar ini.

Sekarang saya ingin membukakan Tajuk ini untuk di bincangkan dan saya persilakan, Yang Berhormat Awang Iswandy bin Ahmad.

Yang Berhormat Awang Iswandy bin Ahmad: Terima kasih, Yang Berhormat Pengerusi.

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

Saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan ribuan terima kasih kepada Kementerian Kesihatan kerana mengetuai dalam menangani cabaran wabak *COVID-19* selama ini. Terima kasih diucapkan.

Izinkan saya untuk menyentuh mengenai dua perkara sahaja:

1. Rokok termasuk rokok elektronik masih lagi dapat dijumpai kemasukannya ke negara ini secara haram. Mungkin tiba sudah masanya kitani lebih tegas dengan perkara ini. Contohnya, jika mana-mana orang yang membawa rokok atau rokok elektronik yang tidak berdaftar dan diperolehi secara haram di tempat awam seperti pejabat-pejabat kerajaan atau restoran-restoran supaya dapat dirampas mengikut akta yang disediakan; dan
2. Seperti *Antigen Rapid Test (ART) COVID-19*, saringan awal *HIV* membawa kepada diagnosis awal dan *Rapid Test* ini memudahkan

pengesanan awal terutama sekali orang-orang yang berkemungkinan dijangkiti *HIV* yang tidak selesa untuk mendapatkan ujian saringan di fasiliti-fasiliti kesihatan.

Soalan saya, adakah Kementerian Kesihatan dapat mempertimbangkan pembawaan dan penyediaan Antigen Rapid Test kit ini ke dalam pasaran bagi meningkatkan lagi *access* ujian saringan *HIV* bagi warga dan penduduk Negara Brunei Darussalam?

Terima kasih, Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Menteri Kesihatan:

Terima kasih, Yang Berhormat Pengerusi dan Yang Berhormat Awang Iswandy.

1. Mengenai dengan rokok haram ataupun *electronic cigarette*, اَلْحَمْدُ لِلّٰهِ pada masa ini, Kementerian Kesihatan dengan beberapa agensi yang lain terutamanya Jabatan Perkhidmatan Awam, Jabatan Perdana Menteri melalui Surat Keliling bertarikh 11 November 2019, telah pun dikeluarkan.

Surat Keliling tersebut menguatkuasakan satu peraturan *Code of Conduct* mengenai tegahan mengenai penglibatan dengan industri tembakau dan juga larangan merokok di premis-premis kerajaan. Jadi, di sini Surat Keliling ini menunjukkan pihak kerajaan tidak boleh berurusan langsung dengan

mana-mana syarikat yang terlibat dengan rokok, itu yang penting.

Walau bagaimanapun, apa yang dinyatakan tadi mengenai tindakan di bawah Perintah Tembakau, buat masa ini, kitani mengenakan tindakan denda kompaun sahaja. Sesiapa yang didapati merokok di tempat awam akan dikenakan denda kompaun dan penguatkuasaan ini sedang giat dilakukan bersama agensi-agensi yang lain termasuk Pasukan Polis Diraja Brunei, Jabatan Kastam dan Eksais Diraja dan pihak Peguam Negara.

Mengenai rampasan itu, *on the spot*, kitani belum membuat rampasan. Setahu saya, tindakan denda sahaja kecuali membuat penyeludupan itu memang dirampas. Tetapi bagi penggunaan sendiri, itu mungkin dapat difikirkan, ان شاء الله Terima kasih.

2. Penyediaan *test* untuk *HIV*, ان شاء الله ini akan dapat diusahakan jua di mana orang ramai boleh membuatnya ke tempat-tempat yang tertentu. Walau bagaimanapun, kitani mesti ada mempunyai *flow* bagi ujian ini. Jika ia positif, apa yang perlu dibuatnya dan bagaimana ia berurusan dengan pihak-pihak tertentu, perkara-perkara itu yang mesti disediakan juga.

Setiap kali ujian hendak dibuat tanpa ada arah hala tujuannya selepas itu, ia sama juga seperti pada masa ini

kaedahnya. ان شاء الله atas saranan tersebut, pihak kementerian boleh memikikan kalau ada *HIV test kit* yang boleh dibuat seperti *part of self test*, dan apa tindakan selanjutnya yang patut dibuat oleh yang berkenaan, ان شاء الله akan difikirkan. Terima kasih.

Yang Berhormat Pengerusi: Saya persilakan, Yang Berhormat Awang Haji Mohimin bin Haji Johari @ Jahari.

Yang Berhormat Awang Haji Mohimin bin Haji Johari @ Jahari: Terima Kasih Yang Berhormat Pengerusi.

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى أَشْرَفِ
الْأَنْبِيَاءِ وَالْمُرْسَلِينَ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ.
اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ مُحَمَّدٍ

Yang Berhormat Pengerusi,

Kaola Membawa Tajuk SM01A - Kementerian Kasihatan. Apakah mesin-mesin scanning dan MRI mencukupi di Negara Brunei Darussalam bagi keperluan masa kini. Kerana didapati mereka yang mengidap penyakit tertentu lambat dikenal pasti bagi mendapatkan perkhidmatan perubatan awal, ini kerana pengesanan diagnosis awal tidak diperolehi hingga bertahun barulah perkhidmatan perubatan diterima.

Sekian terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Menteri Kesihatan:

Terima kasih, Yang Berhormat Pengerusi dan Yang Berhormat Awang Haji Mohaimin.

Mengenai dengan mesin-mesin ini terutama sekali *MRI*. Pihak Hospital RIPAS ada sebuah mesin *MRI* dan pihak *Jerudong Park Medical Centre (JPMC)* mempunyai sebuah mesin serta *Pantai Jerudong Specialist Centre (PJSC)* juga ada mempunyai sebuah mesin *MRI*. Jadi di negara ini ada mempunyai 3 buah mesin *MRI* yang boleh menawarkan keperluan rakyat.

Masalah mengenai kelambatan ini telah pun cuba diperbaiki di mana kalau ada kelambatan di pihak Hospital RIPAS, maka pesakit boleh dirujuk ke *Jerudong Park Medical Centre (JPMC)* ataupun *Pantai Jerudong Specialist Centre (PJSC)*, untuk membuat *MRI* di sana. Kelambatan sehingga bertahun-tahun itu, kaola belum pernah mendengar Yang Berhormat Pengerusi.

Selalunya, prosedur *MRI* ini bukanlah dikira *emergency screening*. Kalau pun *emergency*, selalunya menggunakan *CT Scan*. Jadi, kalau *MRI* ini digunakan untuk membuat penilaian secara terperinci untuk menilai keadaan otak *neuro* ataupun *muscular skeletal*. Jadi, penggunaan *MRI* ini bukanlah satu kaedah untuk kecemasan, kerana, mesin *CT Scan* ada yang digunakan untuk tujuan ini.

Walau bagaimanapun, dengan meningkatnya penggunaan mesin *MRI* ini di Hospital RIPAS dan hospital swasta, ان شاء الله Kementerian Kesihatan pun

sedang bercadang untuk menambah satu lagi mesin *MRI* di Hospital RIPAS, dalam masa terdekat ini, Terima kasih.

Yang Berhormat Pengerusi: Saya persilakan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Pendikar Alam Dato Paduka Seri Awang Haji Hasrin bin Dato Paduka Haji Sabtu.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Pendikar Alam Dato Paduka Seri Awang Haji Hasrin bin Dato Paduka Haji Sabtu:

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ
Kaola ingin menyentuh sedikit mengenai dengan infrastruktur-infrastruktur kesihatan khususnya pembangunan hospital-hospital kerajaan di negara ini termasuklah kemudahan-kemudahan awam dan perubatan di dalamnya. Seperti yang kita sedia maklum, Negara Brunei Darussalam mempunyai empat buah hospital kerajaan dengan Hospital Raja Isteri Pengiran Anak Saleha (RIPAS) sebagai hospital tumpuan dan utama.

Kaola ingin tahu, apakah ada perancangan daripada pihak Kementerian Kesihatan untuk menaiktarafkan lagi infrastruktur dan kemudahan-kemudahan yang terdapat di hospital-hospital kerajaan khususnya di hospital daerah-daerah seperti Hospital Suri Seri Begawan, Kuala Belait yang akan mencapai usia 50 tahun pada tahun ini dan Hospital Pengiran Isteri Hajah Mariam, Temburong yang telah beroperasi sejak tahun 1987.

Adalah didapati bahawa sebahagian *design* dan *layout* di hospital-hospital

berkenaan adalah sudah lama dan mungkin saja perlu dinaiktaraf yang sesuai dengan keperluan perubatan moden pada masa ini termasuklah dari segi persekitaran wad-wad dan klinik-klinik.

Kaola juga mengambil maklum akan perancangan bagi menaiktaraf Bahagian Kecemasan dan Kemalangan di Hospital Suri Seri Begawan, Kuala Belait, dan berharap agar projek tersebut memberikan manfaat dalam jangka masa yang panjang khususnya bagi penduduk Daerah Belait.

Sekian,

وبالله التوفيق والهداية. وَ السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

Yang Berhormat Menteri Kesihatan:

Terima kasih. Yang Berhormat Pengerusi. Mengenai dengan infrastruktur Kementerian Kesihatan di hospital-hospital di empat-empat daerah itu. Memang penambahbaikan sentiasa dipedulikan terutama sekali di RIPAS dalam dua tiga tahun ini, ia dilakukan cara berperingkat-peringkat. Sebab kalau diusai maksudnya tempat wad itu tidak dapat dipakai, di tutup jadi kurang katil dan sebagainya. Jadi, penambahbaikan di RIPAS mengambil masa yang panjang setiap kali dua wad diusai ia akan dikosongkan dan ia akan mengurangkan jumlah kesediaan katil-katil *acute* di RIPAS.

اللَّهُمَّ الْحَمْدُ لِلَّهِ
satakata ini hampir kesemua wad sudah diubah suai tinggal empat wad saja lagi dan selepas itu icu akan ditambahbaik lagi icu punya unit. ان شاء الله bila wad itu selesai dan icu akan

ditambahbaik. Bagi hospital-hospital lain di Kuala Belait, Yang Berhormat Pehin ada menyatakan di Suri Seri Begawan. ان شاء الله kerja akan bermula bagi menambahbaik Jabatan *Accident* dan *Emergency* di sana.

Selain daripada itu, di Temburong masa ini walaupun designnya lama fungsinya masih dapat berjalan dengan baik dan masa ini sedang difikirkanlah apa yang sebaiknya kita buat di sana sama ada kita membuat tempat hospital yang baharu di sana atau pun menambahbaik bangunan itu. Jadi, masa ini keadaan hospital di Temburong masih ditunduki apa yang sesuai dan di Kuala Belait itu pun ان شاء الله ia akan perlahan-lahan selepas ini penambahbaik wad-wad lain itu juga akan dijadualkan untuk membuat penambahbaikan ان شاء الله Sekian. Terima kasih.

Yang Berhormat Pengerusi: Saya persilakan Yang Berhormat Awang Ong Tiong Oh.

Yang Berhormat Awang Ong Tiong Oh: Terima kasih. Yang Berhormat Pengerusi. Kaola membawakan perkara mengenai Tabung *COVID-19 Relief Fund*. Memandangkan kita telah menghadapi gelombang pertama dan kedua pada tahun 2020 dan 2021. Tabung *COVID-19 Relief Fund* telah dibuat untuk membantu kerajaan mengatasi gelombang-gelombang tersebut. Hasil kutipan dana pada tahun 2020 sehingga Mac mencatat \$11,177,514.00. Dan tahun 2021 setakat 7hb September adalah sebanyak \$2,176,801.31 sen. Tabung tersebut adalah sejumlah yang

kecil dibandingkan dengan Peruntukan Kerajaan bagi membendung penularan wabak *COVID-19*, akan tetapi kedudukan penggunaan dana tersebut seharusnya diterbitkan secara terbuka bagi pengetahuan penderma.

Oleh itu, saya mencadangkan supaya butir-butir penggunaan dana tersebut secara *broad category* diterbitkan kepada umum. Ini adalah urus tadbir yang baik. Dan ia juga akan memberikan keyakinan kepada penderma dan pada masa yang sama memberi gambaran dan kesedaran kepada orang ramai akan kesan wabak *COVID-19* kepada negara kita dari segi kewangan dan perkhidmatan kesihatan. Sekian. Terima kasih. Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Menteri Kesihatan: Bagi menjawab pasal *insured*. اَلْحَمْدُ لِلّٰهِ dalam masa kita dilanda *COVID-19* ini, mula-mula ada *COVID-19 Relief Fund* itu, *I think* lebih dari \$11 juta, barangkali \$13 juta. Walau bagaimanapun, yang pertama ini sudah selesai diaudit dan menunggu maklumbalasnya daripada audit.

Jumlah yang mula-mula itu sudah diperuntukkan untuk membuat *National Isolation Centre* punya *extension*, kesemua jumlah duit itu untuk membuat *extension* di Tutong. Seperti yang saya katakan tadi sudah pun diaudit dan yang kedua ini masih terbuka belum ditutup. Dan ان شاء الله bila ditutup akan diaudit juga dan akan dimaklumkan kepada orang ramai ke mana duit-duit itu ditujukan, ان شاء الله Itu saja terima kasih.

Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II: Terima kasih. Yang Berhormat Pengerusi. Kalau diizinkan kaola menambah sedikit mengenai dengan *COVID-19 Relief Fund* yang dari pihak orang ramai. *COVID-19 Relief Fund* kedua ini pada masa ini ada berjumlah \$3.27 juta masih lagi belum tutup. Yang bagi pertama sepertimana yang dikongsikan oleh Yang Berhormat Menteri Kesihatan tadi, Juruaudit Agung telah mengaudit dana pada tahun 2020. Yang pada masa ini setakat ini *opinion* daripada audit adalah teratur. Terima kasih. Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Terima kasih. Ahli-Ahli Yang Berhormat. Kita telahpun membincangkan mengenai dengan Tajuk Kementerian Kesihatan dan sekarang sudah tiba masanya bagi Tajuk ini kita undi. Yang bersetuju supaya Tajuk ini kita luluskan. Sila angkat tangan.

(Semua Ahli mengangkat tangan tanda bersetuju)

Terima kasih. Nampaknya semua bersetuju dan Tajuk SM01A - Kementerian Kesihatan diluluskan.

Yang Dimulikan Jurutulis: SM01A – Kementerian Kesihatan dijadikan sebahagian daripada Jadual. Tajuk SL01A hingga SL06A – Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan.

Yang Berhormat Pengerusi: Ahli-Ahli Yang Berhormat. Kita sekarang berpindah ke Tajuk Belanjawan

Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan. Sebelum Tajuk ini saya bukakan untuk dibahaskan, saya ingin sekarang memberikan peluang kepada Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan untuk memberikan mukadimahnyanya tentang penyediaan belanjawan serta hala tuju kementeriannya. Saya persilakan Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan.

Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan: Terima kasih. Yang Berhormat Pengerusi. بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

أَلْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى أَشْرَفِ الْأَنْبِيَاءِ وَالْمُرْسَلِينَ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ.
 dan salam
 والسلام عليكم ورحمة الله وبركاته
 dan salam sejahtera. Yang Berhormat Pengerusi. Ahli-Ahli Yang Berhormat. Dengan penuh hormat dan takzim sukacita kaola merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Yang Berhormat Pengerusi di atas ruang yang diberikan kepada kaola untuk menyampaikan mukadimah bagi pihak Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan. Kita amat bersyukur tema Tahun Kewangan 2022/2023 "*Memperkasa Kesejahteraan Awam Ke Arah Sosioekonomi Yang Resilien*" amat bertepatan dengan usaha berterusan. Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan dengan kerjasama rakan-rakan strategik dalam mencapai matlamat "*Bangsa Brunei Cemerlang ke arah Merealisasikan Wawasan Brunei 2035*".

Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan menyembahkan setinggi-tinggi menjunjung kasih Kehadapan Majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bagi penyediaan Anggaran Perbelanjaan Tahun Kewangan 2022/2023 berjumlah \$83,860,360.00 dan Rancangan Kemajuan Negara berjumlah \$14,458,840.00.

Yang Berhormat Pengerusi. *COVID-19* terus memberikan impak yang mendalam kepada kehidupan seharian kita, khususnya kepada golongan sasaran. Penubuhan sukarelawan belia pada Mac 2020 telah turut sama menangani serta membantu pihak Kerajaan dengan berimpak tinggi. Lebih 8,000 sukarelawan belia telah berdaftar sejak pengoperasian dan seramai 600 hingga 800 orang sukarelawan diatur gerakkan untuk bertugas setiap hari di 143 lokasi penting di seluruh negara. Atas usaha gigih mereka dengan kerjasama agensi Kerajaan, pertubuhan bukan Kerajaan dan para sukarelawan daripada pelbagai latar belakang dan umur mereka telah juga mengagihkan catuan makanan pada lebih 31,000 buah rumah yang merangkumi hampir 170,000 yang menjalani Perintah Kuarantin di seluruh negara sejak bulan Ogos 2021 hingga ke hari ini.

Para sukarelawan juga membantu golongan susah melalui inisiatif sumbangan pandu lalu catuan makanan hasil sumbangan orang ramai sejak September 2021. Lebih 3,200 pemohon telah diberikan catuan makanan yang merangkumi seramai hampir 20,000.

Sikap resilien dan pemedulian tinggi di kalangan masyarakat Brunei khususnya para sukarelawan dan dermawan amat dihargai dan disegani. Terima kasih diatas pengorbanan para sukarelawan yang turut bertugas dibarisan hadapan tanpa mengenal masa, tenaga dan penat lelah dengan motto "*Sama-Sama Kita Berjuang*".

Yang Berhormat Pengerusi. Seperti mana jua titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Sempena Majlis Pembukaan Persidangan Musim Permesyuaratan Kelapan Belas Majlis Mesyuarat Negara 2022. Majlis yang mulia ini, memainkan peranan mustahak sebagai wadah strategik untuk membahaskan perkara-perkara yang berkebajikan untuk rakyat dan negara dan apa yang turut penting mengemaskan mana-mana yang belum kemas dan menambah baik mana-mana yang masih perlu dibaiki.

Dengan berlandaskan hala tuju ini, izinkan kaola menghuraikan 6 fokus strategi sebagai pelengkap kepada pelaksanaan Plan Strategik kementerian ini bagi Tahun Kewangan 2022/2023.

Strategi pertama mengemaskini dan mereview dasar, akta dan plan-plan tindakan. Pengemaskinian akta dan dasar akan meningkatkan perkhidmatan kepada pelanggan dengan proses yang lebih efisien, cepat dan tepat pada masa serta program intervensi yang lebih berimpak secara inklusif.

Perguatuasa Perintah Akta Pencen Umur Tua dan Elaun Orang Kurang Upaya Pindaan 2021 dan Perintah Orang

Kurang Upaya 2021 bermula 1 Oktober 2021 telah mendatangkan impak yang signifikan khususnya dalam mengukuhkan penjagaan dan meningkatkan pemedulian golongan orang kelainan upaya. Mengemaskinikan syarat kelayakan penerima Pencen Umur Tua dan Elaun Kurang Upaya akan memastikan pemberian elaun ada yang benar-benar layak dan tiada keciciran. Sehingga bulan Mac 2022 seramai 42,793 disenaraikan sebagai penerima pencen umur tua dan elaun orang kurang upaya yang menjadikan jumlah pembayaran *cumulative* bagi Tahun Kewangan 2021/2022 sebanyak kira-kira B\$120 juta.

Pindaan Akta juga mengenalkan faedah tambahan kepada golongan warga emas OKU. Dalam mana setakat ini, 208 orang menerima dua faedah iaitu pencen umur tua dan elaun kurang upaya.

Sebagai tambahan, Pindahan Akta telah memperkenalkan Elaun Penyediaan Penjagaan bagi mereka yang berkelayakan. Sebanyak 1,567 permohonan telah diterima dan dalam proses penilaian Jawatankuasa Menilai Permohonan Elaun Kurang Upaya Termasuk Elaun Penyediaan Penjagaan.

Manakala Perintah Orang Kurang Upaya 2021 memastikan golongan orang kelainan upaya mendapat pengiktirafan dan perlindungan yang sewajarnya. Dengan adanya definisi Kebangsaan OKU yang berdasarkan pada artikel dua *Conventions of The Rights of Persons with Disabilities* yang merangkumi jenis OKU *physical, mental, intellectual* atau

deria di samping tingkah laku, komunikasi dan perkembangan.

Perintah ini juga memperkenalkan pendaftaran kebangsaan OKU dan hub OKU bagi membantu usaha memastikan golongan berkelainan upaya sentiasa terjaga. Seramai 1,695 permohonan telah diterima dan 138 OKU telah disahkan untuk didaftar di bawah Pendaftaran Kebangsaan tersebut.

Perintah ini juga memperuntukkan dan syarat perlindungan khusus bagi OKU yang membawa hukuman berat terhadap kesalahan yang dilakukan kepada OKU seperti penderaan dan pengabaian. Beberapa strategi dan pelan tindakan di bawah Majlis Kebangsaan Isu Sosial telah dan sedang dikemaskini seperti pelan tindakan pembasmian kemiskinan yang telah diluluskan pada tahun 2020, pelan tindakan OKU dan pelan tindakan isu warga emas.

Sistem Kebajikan Negara ataupun SKN telahpun dapat memberikan gambaran *artificial intelligence* yang menyeluruh untuk membantu dalam merangka dasar dan strategi. Data ini akan dioptimalkan melalui rangkaian kerjasama bersama pihak Universiti Brunei Darussalam dan Pusat Pengajian Strategik dan Dasar (CSPS) sebagai asas kepada penggubalan dasar pembasmian kemiskinan.

Khidmat konsultan profesional bagi penyediaan laporan dapatan ke arah pelan tindakan revitalisasi Pusat Bahagia telah dilaksanakan. Ini akan mengisgi jurang yang mendukung usaha agensi lain seperti Kementerian Kesihatan,

Kementerian Pendidikan serta pihak swasta dan Persatuan.

Pusat Bahagia akan memperkenalkan Program Intervensi awal khususnya bagi *down syndrome*, Pusat Penjagaan Harian khususnya bagi *cerebral palsy* dan kurang pendengaran dan Pusat Sumber atau *Shelved Workshop*. Pengesanan disasarkan bermula pada tahun 2022 sehingga 2023.

Penelitian bagi mewujudkan dasar pekerjaan golongan OKU dan golongan susah melalui kerjasama dengan MPEC sedang dilaksanakan. Dikongsikan setakat ini 125 OKU berdaftar di *Job Centre Brunei* dalam mana 49 orang OKU mendapat pekerjaan dan 21 aktif mencari pekerjaan disamping lebih 110 OKU dicatatkan berkhidmat di sektor awam dan swasta.

Pembinaan Kompleks OKU sedang dalam perancangan yang bertujuan bagi penyediaan prasarana kegiatan persatuan OKU, latihan kemahiran, pembangunan kapasiti, hub keusahawanan dan rehabilitasi.

Ejen perkembangan wanita untuk dilaksanakan bersama satu institusi kajian pada tahun ini. KKBS selaku Pengerusi MKIS diamanahkan untuk mempengerusikan Jawatankuasa Kerja bersama pihak Jabatan Perdana Menteri bagi pembentukan Sosial Blueprint kearah memastikan pembangunan sosial di negara ini dilaksanakan secara bersatu padu dan sejajar dengan rangka kerja Wawasan Brunei 2035.

KKBS juga akan mengembangkan perkhidmatan dalam mendekati

masyarakat mukim dan kampung pada setiap bulan bagi mendengar dan mengongsikan dasar serta usaha KKBS. Inisiatif ini mempunyai dua objektif utama iaitu mendengar dan memahami kemaslahatan, kebajikan dan kesejahteraan masyarakat dan mempupuk rasa kecintaan kepada Bahasa Melayu, tamadun, sejarah dan budaya demi meningkatkan semangat patriotisme.

Yang Berhormat Pengerusi.

Strategi Kedua mengembang maju masyarakat progresif kearah masyarakat cemerlang, bersatu padu, *resilience* dan pemedulian. Sejumlah \$25 juta diperuntukan bagi program merealisasikan masyarakat cemerlang termasuk penambahbaikan prasarana dan kemudahan. Pelan tindakan pembasmian kemiskinan terus menjadi mekanisma utama senegara untuk mengeluarkan golongan sasaran dari kitaran kemiskinan.

Ini dilaksanakan melalui pemerksaan sara diri serta sistem sokongan untuk mengubah pemikiran ke arah masyarakat yang positif dan mandiri. Dengan kerjasama bersama *MPEC* sesi *engagement* diadakan khusus untuk penerima BKB bagi mempersiapkan mereka untuk mencari pekerjaan melalui pendaftaran di *Jobcentre Brunei*. Ke arah ini, garis panduan BKB dikemaskini dan syarat mandatori bagi pemohon BKB – *able body, unable to work* untuk berdaftar di *Jobcentre Brunei*.

Pada tahun 2021 pelbagai pencapaian telah pun dicatat. Seramai 1,812

golongan sasaran telah berdaftar di *Job Centre Brunei*. 901 golongan susah mendapat pekerjaan melalui kerjasama *MPEC, Jobcentre Brunei* dan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan. Kita mensasarkan 500 pekerjaan bagi golongan susah setiap tahun. Dan seramai 777 penerima BKB, MUIB dan berpendapatan rendah, mengikuti latihan kemahiran dan keusahawanan di bawah program komuniti.

Di antara latihan kemahiran yang baru diperkenalkan ialah penyembelihan ataupun *butchery* dan *heavy vehicle driver*. Kita mensasarkan 250 orang mengikuti latihan kemahiran dan keusahawanan setiap tahun di bawah program komuniti. Kita terus memastikan bahawa anak-anak dari keluarga yang kurang berkemampuan diberikan peluang pendidikan tambahan. Seramai 500 penuntut diberikan kelas tuisyen percuma setiap tahun oleh Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkihah melalui program intervensi pendidikan.

Kementerian juga bekerjasama dengan Majlis Perundingan Kampung Mengkubau dan Pejabat Daerah Brunei dan Muara serta pihak pengusaha belia *TeachMeGuru* kepada sekitar 100 penuntut setahun sejak tahun 2019. Program biasiswa anak yatim yang diserapkan di bawah skim BIBD Alaf juga baru diperkenalkan pada tahun 2022 bagi membiayai 2 orang anak yatim golongan susah setiap tahun.

Terpenting, strategi pembinaan perumahan pada golongan fakir dan miskin dari program *FeedWin* Jabatan Perdana Menteri dan Majlis Ugama Islam

Brunei serta program kerjasama Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkihah dengan JAPEM. Dari 2019 hingga 2021, sejumlah 143 buah rumah telah diserahkan. Sasaran adalah bagi pembinaan 30 buah rumah setahun.

Rancangan secara holistik sedang dirancangan di bawah *Housing Focus Group* Kementerian Pembangunan bagi pembinaan dan pemilikan rumah sebagai tambahan kepada program yang ada pada masa ini. Setakat ini SKN mencatatkan 28,003 orang permohonan untuk mendapatkan bantuan melalui JAPEM dan MUIB. Di bawah JAPEM, 10,942 permohonan telah dibawa ke Mesyuarat Jawatankuasa Menilai Permohonan dan 4,614 permohonan telah diluluskan bagi bantuan kewangan dan in-kind dengan bantuan kewangan berjumlah kira-kira \$9 juta.

Selaras dengan pelan tindakan warga emas yang bermatlamat untuk memastikan warga emas seluruh negara juga dipedulikan dan diberikan bantuan dan sokongan, kita telah melaksanakan program pemedulian warga emas bersama Kementerian Kesihatan, Persatuan Bulan Sabit Merah dan pihak sukarelawan.

Seramai 294 warga emas dibantu untuk menghadiri temujanji doktor, diberikan bantuan lampin pakai buang dan susu dan pemedulian warga emas yang berumur 100 tahun ke atas. Sasaran ialah bagi meningkatkan jumlah 350 warga emas di dalam program ini. Negara Brunei Darussalam tergolong dalam 5 negara teratas ASEAN yang menuju arah *ageing population*.

Pelan tindakan warga emas telah dan akan dikemaskini untuk diselaraskan dengan strategik Kementerian Kesihatan yang menumpukan ke arah *successful ageing*. Institusi keluarga memainkan peranan yang penting dalam penjagaan golongan warga emas dan perancangan sedang diteliti bersama syarikat swasta untuk memperkenalkan program yang diiktiraf bagi melatih penjaga khusus, termasuk ahli keluarga.

Penambahan bilangan pusat kegiatan warga emas di seluruh negara adalah suatu keutamaan. Rancangan adalah bagi pembukaan *parkway* mukim Sengkurong dan mukim Telisai. Penyerahan bangunan pertubuhan warga emas telah dilaksanakan pada Disember 2021. Bantuan kewangan juga diperuntukkan kepada pusat warga emas bagi program dan aktiviti harian.

Pada tahun lepas, 386 program telah dilaksanakan. Rancangan ke hadapan adalah bagi meluaskan skop perkhidmatan pusat warga emas termasuk penjagaan harian dan keusahawanan. Dikongsikan 13 sesi Pemberitaan Pelan Perancangan Rangka Kerja Perlindungan Kanak-Kanak atau *National Framework on Children Protection* telah dilaksanakan dengan melibatkan lebih 1100 pegawai yang berkenaan.

Pelan perancangan ini diteruskan dengan penubuhan daftar *Registry Of Children And Young Person In Use Of Protection* yang disasarkan bermula pada 1 April 2022. Sebagai nilai tambah kepada MFCP, penyediaan garis panduan program jagaan keluarga angkat

ataupun *foster care* disasarkan bermula April tahun ini, bertujuan membolehkan kanak-kanak ditempatkan di bawah perlindungan keluarga angkat secara sementara tanpa ditempatkan di Kompleks Rumah Kebajikan.

Yang Berhormat Pengerusi. Strategi ketiga melahirkan belia harapan yang berwawasan sebagai peneraju pembangunan negara. Sejumlah \$10.4 juta diperuntukkan bagi program melahirkan belia harapan yang berwawasan termasuk penambahbaikan, prasarana dan kemudahan. Dasar Belia Negara dan Strategi 2020-2035 yang dilancarkan pada Disember 2020 adalah asas kepada segala inisiatif yang dilaksanakan bagi belia. Berdasarkan kepada prestasi pencapaian Pelan Tindakan Dasar Belia Negara dan Strategi, lebih 97% program dan aktiviti pada tahun pertama telah berjaya dilaksanakan. Kita perlu memaksimumkan belia harapan dengan meneruskan usaha mengemaskini dan memperbaiki ekosistem kebelaian dengan memberikan tumpuan kepada:-

- i. Meningkatkan pembangunan keupayaan melalui latihan kemahiran dan industri yang relevan bersama *MPEC* kita akan terus meneliti peluang pekerjaan kritikal melibatkan pelbagai sektor. *Manpower Industry Steering Committee (MIAC)* mengenal pasti 46 pekerjaan kritikal melibatkan sektor tenaga, pembinaan, marine, teknologi infokomunikasi, *hospitality* dan pelancongan. Seramai 10,561 anak tempatan telah mendapat pekerjaan di sektor swasta pada tahun

2020 dan 80% atau 8,480 orang adalah belia.

- ii. Mengukuhkan ekosistem keusahawanan belia dalam pelbagai industri yang diterajui oleh jawatankuasa pandu keusahawanan belia. Antara lainnya program i-usahawan sektor tenaga memberikan platform memulakan perniagaan dalam memperolehi kontrak secara kompetitif. Dikongsikan 27 belia berjaya mendapat tawaran dalam sektor tenaga dan bukan tenaga bernilai \$29 juta dengan melibatkan pengambilan seramai 296 pekerja tempatan. Manakala 37 kemudahan *incubator* dan ruang keusahawanan termasuk bagi OKU disediakan. Kita juga menyediakan ruang dibawah projek penyediaan pondok makanan di kawasan kompleks Stadium Hassanal Bolkiah dalam mana 60% diberikan kepada pengusaha belia dan orang susah yang dijangka beroperasi April 2022.

Darussalam Enterprise (*DARE*) juga melaksanakan skim *co-matching* yang menawarkan bantuan kewangan sehingga \$20,000.00 kepada perusahaan mikro kecil dan sederhana tempatan. KKBS juga menghulurkan hampir \$60,000.00 berupa bantuan kewangan *micro grant* kepada 22 perusahaan belia pada tahun 2020 hingga 2022. Secara keseluruhannya, lebih 250 ribu diperuntukkan bagi 38 perusahaan belia dibawah inisiatif-inisiatif ini.

اَلْحَمْدُ لِلّٰهِ dikongsikan seramai 175 pengusaha belia telah mencapai pendapatan sebanyak \$1 juta setahun. Dari aspek penyediaan prasarana bagi perniagaan agri pula 138 tapak kemajuan pertanian disediakan dan diusahakan oleh para belia termasuk Program Belia Berpadi.

Ke arah memajukan lagi pemerksaan belia dalam keusahawanan, kita akan memfokuskan 2 inisiatif, meluaskan skop dan memperbanyakkan peluang program memulakan perniagaan termasuk di pedalaman dan luar bandar dan meluaskan program peladangan dan pertanian di bawah KKBS dengan penyediaan 27 hectar tambahan, iaitu 20 hectar di Kampung Batong bagi program belia berpadi dan 7 hectar di Temburong bagi pertanian. Ini adalah bagi mendukung fokus belanjawan menjamin sekuriti makanan.

- iii. Meningkatkan pemerksaan belia dalam pembentukan dasar dan membuat keputusan. Peranan Persatuan Pergerakan Belia dan *Youth Advocates* adalah sangat penting selaku rakan strategik dalam mendukung segenap aspek pembangunan belia. Dikongsikan 15 Program Pemberiagan Dasar Belia Negara melibatkan hampir 2,000 belia di ke empat-empat daerah telah dilaksanakan oleh *Youth Advisory Group*. 14 program kepimpinan dan mentor melibatkan 1,600 belia telah dianjurkan oleh *Youth Professional Network* termasuk program kesejahteraan mental. Hampir 2,000

belia telah mengikuti 14 program kesihatan minda anjuran Kementerian Kesihatan bersama Pertubuhan Bukan Kerajaan dan *Youth Advocate*. Pihak Majlis Belia Brunei turut menganjurkan forum Forum Belia ASEAN ke 11, Forum Hari Belia dan Kempen Hari Bertindak. Hampir 2,000 belia dilibat sama dalam mengubalan dasar dan strategik.

Ke arah pelaksanaan program belia, bantuan kewangan sejumlah \$164 ribu diberikan kepada 32 buah persatuan atau penggerakan sebagai pendukung program yang diterajui oleh belia pada tahun 2020 sehingga 2022.

Perancangan ke hadapan kita adalah seperti berikut:

1. Memberikan latihan kemahiran dalam penyediaan program pengurusan khususnya dalam pembentukan strategi dan dasar;
2. Meningkatkan purata *score* indeks pembangunan belia ataupun *YDI's Score* kepada sekurang-kurangnya 75%;
3. Penelitian bagi melaratkan industry kreatif sebagai kluster tambahan kepada *Man Power Industries Steering Committee*;
4. Pembangunan nilai dalam membentuk jati diri kepada modal insan yang holistik;

Hampir 25,000 belia melibatkan diri dalam program kepimpinan, keagamaan, kesihatan dan pembangunan kapasiti

secara menyeluruh. Kita melihat pelaksanaan program diterajui oleh belia sendiri.

PKBN juga telah meluaskan skop pembinaan jati diri dengan kolaborasi bersama MPEC bagi penerapan kedayatahan, reselian dan kepimpinan kepada penuntut vokasional. Dan program *Booth Champ* dari *presef course alumni PKBN* akan dilaksanakan pada tahun ini.

Yang Berhormat Pengerusi. Strategi ke empat mengukuhkan jati diri dan patriotisma sebagai teras pembangunan negara yang berpaksikan 'Melayu Islam Beraja'. Jumlah \$25 juta diperuntukan bagi mengukuhkan program jati diri dan patriotisma termasuk pembinaan, penerapan dan penghayatan warisan, sejarah dan budaya serta penambahbaikan prasarana dan kemudahan.

Berdasarkan kepada prestasi pencapaian Pelan Strategik kementerian 2020/2024, sebanyak 40 projek melalui 5 program utama telah dicapai dan dilaksanakan.

Kita akan meneruskan usaha mengemaskini dan memperbaiki ekosistem kebudayaan secara pendekatan senegara dengan memberikan tumpuan kepada;

1. Meningkatkan pemerkasaaan dan penggunaan bahasa melayu dan tulisan jawi sebagai agenda utama dalam segenap pembangunan aspek masyarakat. Sebagaimana jua titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei

Darussalam semasa keberangkatan tidak berjadual.

Baginda telah menyentuh peranan Dewan Bahasa dan Pustaka sebagai jentera ketamadunan bangsa. Untuk itu, Bahasa Melayu dan Tulisan Jawi perlu diterapkan dalam segenap aspek dari institusi keluarga dan pembudayaan seharian kepada bahasa intelektual.

Pada tahun lepas, ilmu bahasa telah dilaksanakan secara maya sepanjang tahun, dengan 4 aktiviti melibatkan hampir 700 peserta. ان شاء الله, sepanjang tahun ini kongres antarabangsa, bahasa, sastera dan budaya melayu yang melibatkan 23 orang pakar tempatan dan antarabangsa akan dilaksanakan secara maya.

Dewan Bahasa dan Pustaka, juga telah dilibatkan semula dalam proses pengesahan Bahasa Melayu dan Tulisan Jawi dalam papan-papan tanda, kain rentang dan papan iklan, sejak bulan Jun 2021 sebagai salah satu proses kelulusan *ABCi*. Penggunaan Bahasa Melayu dan Tulisan Jawi juga dilaratkan di media sosial dan laman sesawang agensi-agensi kerajaan.

2. Mengembang majukan industri kebudayaan dan kreatif termasuk penulisan kreatif. Hampir 600 orang telah menyertai 41 aktiviti pengembangan industri kebudayaan dan kreatif. Jumlah ini akan ditingkatkan sebanyak 30%

penyertaan masyarakat. Dan sebanyak 222 aktiviti kegiatan warisan sejarah dan budaya termasuk industri kebudayaan dan kreatif dilaksanakan dengan melibatkan 10,586 peserta.

Antara signifikan ialah menjadi tuan rumah festival budaya, 2021 dalam kalangan negara-negara *BIMP-EAGA* yang menampilkan berbagai bidang seni. Dikongsikan rundingan dan perancangan awal sedang dilaksanakan pada peringkat *working level* bersama pihak-pihak berkepentingan untuk menggariskan antara lain undang-undang dasar dan prasarana bagi memajukan industry kreatif.

3. Meningkatkan kefahaman dan penghayatan sejarah warisan budaya dan ketamadunan bangsa melalui penyelidikan dan penerbitan yang berkualiti. Program jangkawan kepada segenap lapisan masyarakat melalui jerayawara, program Pendidikan dan pembudayaan termasuk penyebaran buku terbitan di peringkat *loca* dan antarabangsa akan dipertingkatkan.

179 program jerayawara telah dilaksanakan dengan penglibatan 25,000 peserta di kesemua daerah. 165 jenis penyelidikan telah dilaksanakan dan kita akan meningkatkan 30% penyelidikan berfokus. Beberapa inisiatif baharu akan dilaksanakan pada tahun ini. Festival kebudayaan 7 puak dengan kerjasama Kementerian Sumber-

Sumber Utama dan Pelancongan dan kajian kefahaman dan penghayatan sejarah. *ان شاء الله*, Pusat Sejarah Brunei akan menerbitkan siri buku Tersilah Brunei yang terakhir.

4. Meningkatkan penghayatan budaya melalui teknologi dan prasarana. Hampir 130,000 pelawat mengunjungi muzium, galeri, perpustakaan dan taman warisan sama ada secara fizikal atau secara maya. Kegiatan-kegiatan seperti Bicara Sejarah, Muzium Warisanku, Festival Seni Budaya juga telah dilaksanakan secara maya.

أَلْحَمْدُ لِلَّهِ, muzium Alat Kebesaran Diraja telah dilengkapi dengan *digital audio guide* dalam 5 bahasa. Sebuah projek yang dilaksanakan dengan kerjasama Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan dan Dinamik Teknologi. Penggunaan teknologi ini akan dilaratkan kepada muzium dan galeri lain.

ان شاء الله, dengan siapnya pada tahun ini projek penaiktarafan dan penambahbaikan Galeri Seni Dermaga Diraja, Muzium Brunei dan Stadium Negara Hassanal Bolkiah yang akan mengoptimalkan penggunaan teknologi dan penyediaan ruang-ruang pelbagai fungsi atau gunasama yang akan memberi peluang dan galakan aktiviti-aktiviti keusahawanan dan industri kreatif.

Yang Berhormat Pengerusi.

5. Strategi kelima Mengukuhkan Ekosistem Sukan yang Inklusif dan Cemerlang. Sejumlah \$15.5 juta diperuntukan bagi program ke arah mengukuhkan ekosistem sukan. Ia dihasratkan untuk mewujudkan persikataran atlet yang stabil, membangun sukan yang berpotensi untuk membangun pingat berdasarkan kehendak negara. Membangun bakat sukan, prasarana yang kondusif dan memastikan keinklusifan sukan untuk semua.

Kita sedang melaksanakan penilaian keperluan sukan prestasi tinggi yang merangkumi infrastruktur, sumber tenaga manusia dan kepakaran. Alat peralatan dan teknologi dan nilai tambah kepada meningkatkan prestasi atlet bersama pakar konsultan *Sport Accessed and Mediation*, Kementerian Kesihatan.

Hasil dapatan ini akan menentukan strategi dan pelan tindakan sukan prestasi tinggi yang disasarkan selesai pada April 2022 bagi pelaksanaan tempoh 2 tahun yang memberikan keutamaan kepada;

- i. Pembangunan atlet negara jangkamasa panjang bagi mendapatkan kelayakan di sukan prestasi tinggi di serantau dan antarabangsa;
- ii. Mengenal pasti sukan prestasi tinggi yang berpotensi untuk memenangi pingat berdasarkan kehendak dan prestasi;

- iii. Ketersediaan infrastruktur untuk mengadakan acara sukan serantau dan antarabangsa. Ini termasuk memberikan kemanfaatan kepada atlet dan masyarakat secara amnya;
 - iv. Mengemaskini dan menstruktur semula perkhidmatan sedia ada untuk mewujudkan perkhidmatan baru yang lebih menepati keperluan seperti strategi sukan prestasi tinggi, kebajikan dan kesejahteraan atlet dan penyelidikan dan inovasi; dan
 - v. Penglibatan sektor swasta, korporat dan GLC's untuk sama-sama membangun dan mengukuhkan ekosistem sukan. Dalam pada masa yang sama, kerjasama yang erat dengan Kementerian Pendidikan akan diteruskan dalam pelaksanaan biasiswa khas dalam bidang sukan dan peranan sekolah sukan dalam melahirkan atlet negara.
- i. **اَلْحَمْدُ لِلّٰهِ**, dalam memastikan perkhidmatan diberikan efisien, cepat dan tepat pada masa dikongsikan sistem SKN telah dapat mengurangkan proses TPOR dalam tempoh 2 bulan bagi JAPEM dan MUIB. Pelaksanaan fasa kedua SKN akan menerapkan Skim Miftahunnaja'ah yang disasarkan April 2022.
 - ii. Penambahbaikan Aplikasi Sukarelawan Sistem Mengelinga, yang diperkenalkan pada Ogos 2021 bersama Bank Baiduri Berhad dengan *Artificial Intelligence*. Setakat Februari 2022, Aplikasi Mengelinga merekod 1,200 individu dan 117 organisasi pendaftaran dengan 168 projek sukarelawan yang terancang.
 - iii. Penelitian bagi membina aplikasi yang menyatukan perkhidmatan bantuan sosial secara digital yang mudah diakses dan mesra pelanggan.

Yang Berhormat Pengerusi.

- vi. Strategi keenam, Memaksimumkan Penggunaan Teknologi dan Infrastruktur. KKBS akan meningkatkan penyampaian perkhidmatan dengan memanfaatkan aplikasi Pintar dan Teknologi Digital serta bukti dan amalan terbaik.

Mengoptimimum Sistem Kebajikan Negara (SKN) dalam membentuk dasar dan program intervensi.

Pada masa yang sama kita akan terus memaksimumkan pasaran, sumber dan kemudahan bagi pembangunan masyarakat melalui *share facility*. Kita akan memberikan tumpuan pada fasiliti sukan dan Pusat Belia mengikut keutamaan khususnya di Daerah Temburong dan Daerah Belait. Kompleks Perkampungan Sukan dan Kem Latihan PKBN telah menunjukkan kepentingannya sebagai *platform* yang fleksible dan serbaguna.

Fasiliti ini digunakan sebagai Pusat Isolasi Komuniti manakala Pusat-Pusat Belia dan Stadium Tertutup, Kompleks Sukan Negara Hassanal Bolkiah telah digunakan sebagai Pusat Vaksinasi dan Pusat Pengagihan Catuan Makanan.

Yang Berhormat Pengerusi, اَلْحَمْدُ لِلّٰهِ kesemua projek-projek dibawah RKN Ke-11 adalah dalam Fasa Pembangunan dan dijangka akan selesai sebelum berakhirnya RKN Ke-11. ان شاء الله kita akan melihat pembukaan semula Bangunan Kastam lama dan Dermaga Diraja dan muzium baru. Penggunaan semula Stadium Negara Hassanal Bolkiah sebagai *hub* latihan atlet elite dan *hub* komuniti dengan nilai tambah yang lebih tinggi dan kompleks perlindungan yang baharu yang memberikan suasana kondusif kepada penghuni perlindungan.

Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. اَلْحَمْدُ لِلّٰهِ, di sebalik cabaran yang kita hadapi pada masa ini, masyarakat kitani telah menunjukkan sikap resilien dan pemeduliaan yang tinggi secara langsung meningkatkan semangat bersatu padu, berganding bahu secara senegara.

Setinggi-tinggi penghargaan kepada warga Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan. Termasuk rakan-rakan strategik, para sukarelawan dan para pasukan barisan hadapan yang bertungkus lumus untuk melaksanakan tanggungjawab masing-masing termasuk dalam usaha menangani COVID-19. Demikianlah saja.

Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.
السلام عليكم ورحمة الله وبركاته.

Yang Berhormat Pengerusi: Ahli-Ahli Yang Berhormat, اَلْحَمْدُ لِلّٰهِ kita telah pun mendengar kenyataan yang telah dibentangkan oleh Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan tentang hal tuju kementeriannya, yang mana merupakan kenyataan yang cukup jelas dan terperinci.

Maka sekarang saya ingin membukakan Tajuk Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan ini untuk dibahaskan dan untuk memulakannya saya persilakan Yang Berhormat Awang Iswandy bin Ahmad.

Yang Berhormat Awang Iswandy bin Ahmad: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. Terus saja kepada perbincangan, saya ingin menyentuh pada Dewan Bahasa dan Pustaka iaitu Tajuk 002001-Pemberigaaan dan Promosi Bahasa serta Tajuk 003001-Mengalakkan seni Penulisan. Mengenai peruntukan yang dipohonkan iaitu \$789,599 dan \$504,974 kesemuanya adalah untuk gaji kakitangan sahaja dan tidak ada untuk Perbelanjaan Berulang-ulang. Soalan saya ialah:

- i. Adakah ini akan dapat mencapai objektif perkara ini, kerana setentunya pemberigaaan dan promosi ini memerlukan peruntukan-peruntukan yang bersesuaian serta;
- ii. Penulisan dalam kalangan penulis-penulis muda. Apakah pencapaiannya pada masa ini dan apakah

perancangan untuk memperkembangkannya?.

Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan:

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ. Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi dan Terima kasih Yang Berhormat Awang Iswandy bin Ahmad atas persoalan. Ada 2, yang pertama mengenai pemberigaan dan mempromosi bahasa dan yang kedua penulisan dalam kalangan penulis-penulis muda.

أَلْحَمْدُ لِلَّهِ, Dewan Bahasa dan Pustaka telah diperuntukkan sekitar BND\$11 juta bagi Tahun Kewangan 2022/2023. Seperti yang dinyatakan daripada peruntukan tadi itu BND\$789,599 diperuntukkan di bawah Tajuk 002-001 Pemberigaan dan Promosi Bahasa khusus bagi gaji kakitangan dan tiada Perbelanjaan Berulang-Ulang.

Untuk menjawabnya, perbelanjaan bagi program Pemberigaan dan Mempromosi Bahasa disatukan di bawah Tajuk 001-000 Pertadbiran dan Pengurusan. Pecahan Tajuk 001-003 Pengurusan dan Perancangan Pembelian berjumlah \$ 451,481. Ianya sama juga dengan Tahun Kewangan 2021/2022 yang mana peruntukan untuk Program Pemberigaan dan Promosi adalah sebanyak \$33,400 jadinya ia dimasukkan ke dalam tajuk pecahan tersebut dan ان شاء الله bagi Tahun Kewangan 2022/2023, jumlah yang sama sejumlah \$33,400 akan dimasukkan dalam pecahan tajuk tersebut.

Sebagai tambahan sahaja, jumlah peruntukan ini akan digunakan dalam mencarukkan martabat dan kedaulatan bahasa Melayu sebagai bahasa rasmi negara dan meletakkannya pada kedudukan teratas. Dikongsikan antara program yang telah dan terus dilaksanakan dalam memberigakan dan mempromosi bahasa Melayu adalah seperti Tamu Bahasa, bengkel penulisan, Baca Puisi Antarabangsa, Segmen Bahasa dan Kesusasteraan melalui Program Rampai Pagi (RTB).

Penyebaran hasil penyelidikan bahasa dan budaya melayu seperti pantun melayu Brunei dan penyebaran kosa kata seperti Telinga Bahasa, Rimbun Bahasa Brunei dan Perambahan Brunei. ان شاء الله jumlah tersebut sebanyak \$33,400 ini akan digunakan untuk pemberigaan dan mempromosi bahasa.

Dan pada tahun ini, jumlah ini banyak digunakan secara maya dan ان شاء الله kaedah maya dan fizikal akan kitani laksanakan nanti *under the new norm* ini, kita menggunakan pemberigaan dan promosi ini dengan fizikal dan secara maya. ان شاء الله diteruskan.

Penulis-penulis muda dikongsikan, kita mempunyai program yang dinamakan Program Penulis Muda yang telah dilancarkan pada tahun 2019 dan ia diadakan 2 kali setahun ia mensasarkan pada penulis berumur 15-35 tahun.

Program ini bermatlamat untuk mewujudkan sumber manusia, mampu menambah bilangan penulis generasi baharu tanah air yang berbakat dengan

imej yang lebih dinamik, agresif dan kreatif dan seterusnya menjadi pelapis dalam perkembangan sastera di dalam Negara Brunei Darussalam.

Sehingga hari ini, seramai 171 penulis muda telah menerima bimbingan melalui Bengkal Pelbagai *genre* iaitu penulisan puisi, sajak, cerpen, novel dan drama. **اَلْحَمْدُ لِلّٰهِ**, 3 buah buku hasil tulisan penulisan muda telah diterbitkan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka iaitu Antologi Puisi Kepala Kertas, Antologi Cerpen Aurora 1 dan Antologi Cerpen Aurora 2. Dalam masa yang sama, penerbitan majalah dan jurnal Dewan Bahasa dan Pustaka juga dimartabatkan sebagai wahana termasuk bagi penulis-penulisan muda khususnya Majalah Mekar, Majalah Naindung dan Juara Pelajar. Dikongsikan pada tahun 2020 satu ruang khas penulisan yang dinamakan Suara Penulis Muda telah diwujudkan bagi menampung karier penulis muda. Setakat ini seramai 93 penulis muda aktif dalam berkarya.

Sebagai tambahan, kita amat berbangga seorang penulis muda tempatan iaitu Yang Mulia Awangku Mohammad Norsham bin Pengiran Hidup diiktiraf sebagai Johan Kategori Puisi Sembara, tulisan Kreatif Mastera pada tahun 2021. Pada 2019, Penulis Muda, Yang Mulia Awang Abdul Baqi bin Haji Abdul Hisab menjadi pemenang hadiah terjemahan mastera dan 6 penulis muda tempatan dipilih sebagai Penerima Penghargaan Sasterawan Muda Mastera dari tahun 2005 hingga 2017. Inilah menunjukkan perkembangan penulis-penulis kitani, penulis-penulis muda tanahair kitani.

Dan **ان شاء الله**, lebih ramai melahirkan penulis muda peringkat berumur yang lebih muda, Dewan Bahasa dan Pustaka akan melaksanakan inisiatif Akademik Penulis, Kelab Penulis Kanak-Kanak, Projek Sastera yang mensasarkan pelajar tahun 4 hingga tahun 6. Jadi **اَلْحَمْدُ لِلّٰهِ**, kitani dapat melihat bakat-bakat penulis muda kitani sentiasa aktif.

ان شاء الله Dewan Bahasa dan Pustaka akan terus memberikan peluang kepada penulis-penulis muda kitani dan juga akan melaksanakan Program Menulis Muda agar jumlah penulis-penulis muda kitani akan terus meningkat dari masa ke semasa.

Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Saya persilakan Yang Berhormat Awang Haji Mohimin bin Haji Johari @ Jahari.

Yang Berhormat Awang Haji Mohimin bin Haji Johari @ Jahari:

Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

بِسْمِ اللّٰهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِیْمِ السَّلَامُ عَلَیْكُمْ وَرَحْمَةُ اللّٰهِ وَبَرَكَاتُهُ

اَلْحَمْدُ لِلّٰهِ رَبِّ الْعَالَمِیْنَ وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلٰی اَشْرَفِ الْاَنْبِیَاءِ وَالْمُرْسَلِیْنَ

Kaola membawakan Tajuk SA02A - Dewan Bahasa dan Pustaka.

اَلْحَمْدُ لِلّٰهِ, Negara Brunei Darussalam dihadiahkan dengan Perlembagaan Bertulis (1959). Bahasa Melayu sebagai Bahasa Rasmi, inilah jati diri bangsa. Mengimbas kembali saja *Conference Belia 2021* menggunakan Bahasa Inggeris, seyogianya dicadangkan setiap perhimpunan rasmi yang objektifnya

menyampaikan kepada rakyat Brunei supaya dibuat dalam Bahasa Melayu.

Seterusnya Tajuk - SA03A - Jabatan Belia dan Sukan. **اللَّهُمَّ**, jelas sekali sepertimana yang disampaikan oleh Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan sebentar tadi hanya sedikit persoalan. Setakat mana usaha pihak kementerian dalam usaha pengalakkan memperkasa industri sukan dalam membuat tawaran penyediaan tapak dan kemudahan sukan kepada pelabur-pelabur.

Sekian terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan:

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ
Yang Berhormat Pengerusi, dan terima kasih Yang Berhormat Awang Haji Mohimin bin Haji Johari @ Jahari kertas soalan yang telah pun diusulkan. Ada dua:-

1. Penggunaan Bahasa Melayu; dan
2. Usaha melalui Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan bagi memperkasa industri sukan.

Barangkali saya menjawab soalan yang kedua dulu, memperkasa industri sukan. Dikongsikan bahawa Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan salah satu inisiatif adalah konsep *Private Public Pathership (PPP)* ataupun *outsourcing* untuk diusahakan di dalam pembangunan *infrastructur* mengalakkan.

اللَّهُمَّ, beberapa usaha telahpun dilaksanakan dalam memastikan bahawa peluang diberikan kepada usaha-usaha keusahawanan, usaha-usaha ke arah (*PPP*). Salah satunya ialah melihat kepada tapak-tapak yang ada yang diberikan kepada Jabatan Belia dan Sukan untuk dikembangkan ataupun dibangunkan oleh sektor swasta (*private sector*).

Ini telahpun dilaksanakan dan telahpun dibukakan beberapa tahun yang lalu seperti Tapak Sukan di Perpindahan Lambak, di Tapak Kompleks Sukan Air Serasa, telah pun dibukakan.

Walau bagaimanapun masa ini dibukakan, tidak ada tawaran telahpun diterima setelah ianya dibukakan. Jadi kita akan terus mengusahakan usaha *Private Public Pathership (PPP)* ini bagi pembangunan sukan ini untuk dilaksanakan khususnya daripada tapak-tapak yang ada yang diberikan kepada Jabatan Belia dan Sukan.

Walau bagaimanapun, kita telah pun memberikan peluang kepada pengusaha-pengusaha untuk menjalankan operasi seperti GYM Gymnasium, bukan sahaja di Stadium Negara Hassanal Bolkiah akan tetapi telahpun dilaratkan kepada 2 tempat iaitu di Kompleks Sukan Mumong dan juga di Kompleks Sukan Tutong.

اللَّهُمَّ, ianya telahpun dijalankan oleh pengusaha-pengusaha tempatan. Kitani sebenarnya mensasarkan belia-belia untuk mengusahakan, walau bagaimanapun tidak ada belia-belia yang tampil untuk menjalankan gym-gym ani

yang telah pun dibukakan di Daerah Belait dan juga di Daerah Tutong.

Jadi ان شاء الله, kita amat mengalakkan kaedah (PPP) untuk membangun kompleks-komplek sukan ini di bawah Jabatan Belia dan Sukan, dan kita akan terus berusaha untuk membuka lagi tawaran-tawaran ini, ان شاء الله.

Mengenai dengan soalan yang pertama. Tidak dapat disangkalkan bahawa kita mesti memertabatkan Bahasa Melayu. Ianya adalah satu keutamaan yang tinggi memertabatkan Bahasa Melayu. Dan kitani melihat bahawa penggunaan dua bahasa ini sering digunakan di dalam *conference*, di dalam *workshop* dan apa jua program yang dilaksanakan oleh Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan.

Apa yang penting ialah untuk kitani meningkatkan lagi, ertinya peratus penggunaan ini Bahasa Melayu ini kadang-kadang kitani melihat bahawa penggunaan bahasa inggeris lebih daripada bahasa Melayu. Usaha adalah untuk mempertingkatkan peratus penggunaan ini yang menggunakan dua bahasa ini lebih utama ini adalah bahasa Melayu.

ان شاء الله, kitani akan terus memertabatkan Bahasa Melayu di dalam apa jua persidangan, apa jua program-program yang dilaksanakan seperti seminar, *workshop* lebih-lebih lagi Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan.

Perkara ini diambil maklum dan usaha akan terus mempertabatkan Bahasa Melayu di dalam apa jua program-program khususnya di dalam kongress dan perjumpaan. ان شاء الله, perkara ini diambil maklum dan usaha akan terus dipertingkatkan.

Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Saya persilakan Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Putera Maharaja Dato Paduka Awang Haji Abdul Ghani bin Pehin Datu Pekerma Dewa Dato Paduka Awang Haji Abdul Rahim.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Putera Maharaja Dato Paduka Awang Haji Abdul Ghani bin Pehin Datu Pekerma Dewa Dato Paduka Awang Haji Abdul Rahim:

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ
الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى أَشْرَفِ
الْأَنْبِيَاءِ وَالْمُرْسَلِينَ

Yang Berhormat Pengerusi. Izinkan kaola bernostalgia bersama Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan dan termasuk jua kitani di sini semua sekali. Dalam Mesyuarat Pertama Majlis Mesyuarat Negara Musim Kelima Belas pada Tahun 2019.

Jika kaola tidak silap, kaola telah mencadangkan supaya Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan menubuhkan dan mengadakan satu yang dipanggil Akademi Seni Budaya bagi memantuni dan menyantuni golongan budayawan dan seniman yang termasuk didalamnya golongan sasterawan, para

penulis, para penyanyi, para pelukis dan seumpamanya.

اَلْحَمْدُ لِلّٰهِ dalam sesi muzakarah antara Ahli-ahli Yang Berhormat Majlis Mesyuarat Negara dan Kementerian Kebudayaan Belia dan Sukan abis kaola telah diberitahu bahawa Kementerian Kebudayaan Belia dan Sukan akan membina satu Galeri Seni, di satu tapak iaitu bangunan kerajaan yang telah diberikan kepada Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan. Khabar itu telah mengembirakan banyak pihak termasuk orang-orang seni.

Tetapi hasrat untuk merapuskan semua seniman dan karyawan dan budayawan belum dapat terlaksana nampaknya, hanya nampak bangunan itu dinamakan Galeri Seni. Yang kami fahamkan hanyalah untuk pertunjukkan ataupun pameran-pameran seperti lukisan-lukisan yang bersejarah dan sebagainya. Jadi belumlah dapat rapus keseluruhan budayawan dan karyawan dapat berlindung atau bernaung di bawah projek itu.

Di sini kaola suka mendapatkan penjelasan lanjut dan pencerahan daripada Yang Berhormat anakanda Menteri Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan mengenai projek tersebut. Kaola cadangkan juga supaya peruntuk projek-projek seni budaya yang pernah kaola ajukan dulu dimasukkan dalam Rang Peruntukan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan untuk Tahun 2022/2023 atau jika di rasakan perlu dibuat dengan lebih besar lagi idea itu, dimasukkan ke dalam RKN ke-12.

Akhirnya kaola tutup dengan serangkap pantun:

Anak buaya anak angsa;
Pohon nangka berbuah lebat;
Seni budaya jiwa bangsa;
Tanpanya bangsa hilang Martabat;

Terima Kasih, اَللّٰهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَرَحْمَةً اللّٰهِ وَبَرَكَاتِهِ

Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan:

بِسْمِ اللّٰهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِیْمِ السَّلَامُ عَلَیْكُمْ وَرَحْمَةُ اللّٰهِ وَبَرَكَاتُهُ

Terima Kasih, Yang Berhormat Tuan Pengerusi dan terima kasih kepada Ayahanda Yang terhormat Pehin Orang Kaya Putera Maharaja Dato Paduka Awang Haji Abdul Ghani bin Pehin Datu Pekerma Dewa Dato Paduka Haji Abdul Rahim.

Untuk mengongsikan saja barangkali soalan lebih tertumpu kepada Penubuhan Akademi Seni Budaya. Barangkali untuk menjawab terlebih dahulu cadangan ataupun usulan mengenai projek seni budaya ini, ان شاء الله akan dilihati secara mendalam bagi permohonan peruntukan kewangan di masa yang akan datang ataupun untuk diteliti bagi keutamaan untuk dimasukkan Rancangan Kemajuan Negara yang akan datang. Perkara itu akan di teliti dengan secara mendalam.

Bagi menjawabnya jua, untuk makluman Kementerian Kebudayaan Belia dan Sukan telah selesai merangkap kurikulum Akademi Seni Budaya Brunei. اَلْحَمْدُ لِلّٰهِ, konsep *Whole Of Nation* telah dilaksanakan dalam rangka kurikulum ini.

Walau bagaimanapun struktur tersebut telah di manfaatkan untuk perlaksanaan *hub* seni yang lain. Kearah pembinaan satu infrastruktur mengenai perlaksanaan balai budaya sebagai ruang budaya *Cultrue Space* perlaksanaan kegiatan berkenaan. Sebidang tanah yang ada di Kampung Kiulap masih dalam penelitian dalam Kementerian ini.

Jadi, ان شاء الله seperti yang dikongsikan tadi, barangkali fasa yang pertama kurikulum seni budaya telah selesai dilaksanakan. Yang pertama telahpun selesai. Dan bagi pembinaan infrastruktur perkara ini akan diteliti lagi, walaupun sememangnya tapaknya ada sudah. Jadi ان شاء الله ianya akan diteliti bagi pembangunan ini seperti mana yang telah dicadangkan adakah sebagai keutamaan di dalam Rancangan Kemajuan Negara yang akan datang.

Dalam masa yang sama, kaola ingin membagikan tambahan berkenaan ruang, ان شاء الله walaupun ruang ini hanyalah ruang pameran sahaja apa yang diharapkan ruang-ruang tambahan ini nanti ان شاء الله ruang galeri seni ruang di Dermaga Diraja ان شاء الله akan dibuka dalam sedikit masa lagi dan juga ruang galeri di Stadium Negara Hassanal Bolkiah. Dan ان شاء الله akan dibuka semula sedikit masa lagi, akan memberikan peluang bagi penggiat-penggiat seni industri kreatif untuk menggunakannya secara lebih besar.

ان شاء الله, galeri-galeri seni nanti akan memberikan peluang kepada pengiat industri kreatif kitani. Dan saya memahami ianya adalah sebagai ruang

pameran sahaja bukannya untuk berkarya. ان شاء الله perkara ini akan ditunduki dengan sedalam-dalamnya dengan pembinaan infrastruktur, ان شاء الله di dalam keutamaan-keutamaan yang akan datang, ان شاء الله. Terima Kasih, Yang Berhormat Pehin di atas pandangan tersebut bagi penubuhan Akademi Seni Budaya.

Penubuhan Akademi Seni Budaya akan dilaksanakan, akan tetapinya akan dilaksanakan secara berperingkat-peringkat, ان شاء الله. Jika dikongsikan barangkali kaola ingin membalas sedikit pantun Yang Berhormat Pehin.

Anak ayam anak si angsa,
Pasang lampu suluh pelita,
Pelihara kukuh peradaban bangsa,
Budaya melayu warisan kita.

Terima kasih, Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Saya persilakan Yang Berhormat Pengiran Haji Mohamed bin Pengiran Haji Osman @ Othman.

Yang Berhormat Pengiran Haji Mohamed bin Pengiran Haji Osman @ Othman: Terima Kasih, Yang Berhormat Pengerusi.

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

Terlebih dahulu kaola merakamkan dan mengucapkan rasa syukur dan berterima kasih atas usaha jerih payah dan khidmat Yang Berhormat Menteri Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan bersama warga Kementerian Kebudayaan, Belia

dan Sukan dan jabatan-jabatan di bawahnya, ganjaran pahala kami semua doakan.

Yang Berhormat Pengerusi izinkan kaola untuk mengajukan 4 isu perbahasan sekiranya dibenarkan. Yang Berhormat Pengerusi. Kaola akan mengajukan Tajuk SL064 - Jabatan Pembangunan Masyarakat dengan peruntukan yang akan diberikan kepada Kementerian \$24,647,670.00.

Dalam kehidupan kian mencabar, kian pastinya setiap pelusuk masyarakat akan terasa impaknya dan kesannya turut dirasakan kepada ibu tunggal dan para balu. Dengan adanya pihak berkenaan khususnya Kementerian Kebudayaan Belia dan Sukan, namun setakat manakah keberkesanan hal ini terutamanya dalam membangun dan menjamin kehidupan pihak kaum hawa ini untuk terus *survive* di era kian mencabar ini.

Kaola ingin mencadangkan saja di sini mungkin perlu dipikirkan Skim Latihan Bimbingan, Perniagaan dan bantuan modal perniagaan bagi mereka menceburi bidang yang boleh menjana kewangan dan pendapatan.

Isu kedua Yang Berhormat Pengerusi. Melihat kepada skim bantuan perumahan, baik di pihak Kerajaan mahupun di pihak Yayasan Sultan Haji Hassanah Bolkuah semakin banyak permohonan dihadapkan. Namun sejak kebelakangan, banyak aduan dan rintihan para pemohon mengenai hal bantuan mengenai rumah ini.

Apa yang lebih menyedihkan adalah terdapat kelompok yang memohon ini adalah anak yatim dan mereka yang berpendapatan rendah. Apakah usaha-usaha pihak yang bertanggungjawab dalam hal ini untuk menangani isu ini kerana seperti contoh anak yatim, yang mereka ini ada yang masih menumpang di rumah ahli keluarga lain dan terdapat kes di mana lawatan sudah berulang kali dibuat oleh pihak bertanggungjawab. Namun sehingga bertahun-tahun masih belum ada tindakan yang sewajarnya.

Yang Berhormat Pengerusi.

Kaola ingin mengajukan perbahasan yang ketiga. Kebiasaannya negara kita menghormati pada hari-hari kebesaran Islam termasuklah setiap malam Jumaat bahawa acara sukan adalah ditiadakan. Merujuk perkara tersebut, ada acara sukan yang dianjurkan oleh salah sebuah persatuan mengadakan hampir setiap malam di bulan Ramadhan bermula selepas waktu berbuka puasa. Sebagai sebuah negara zikir, kita mestilah menghormati dan mengutamakan bulan ramadhan.

Menganjurkan acara sukan adalah tidak dilarang. Malah ianya digalakkan untuk memajukan sukan di negara ini tetapi haruslah mengadakan pada bulan dan hari yang mengikut kesesuaian. Soalan kaola, adakah pihak yang berkenaan membuat pemantauan pada setiap acara sukan yang dianjurkan dan apakah ada garispandu yang dikeluarkan khusus bagi para penganjur bagi acara sukan di negara ini.

Yang Berhormat Pengerusi, dan yang terakhir bagi industri perfileman di negara kitani ini perlu sokongan dari pihak kerajaan. اللَّهُ أَكْبَرُ dengan adanya sokongan pihak kerajaan, beberapa filem tempatan di bawa ke luar negara mengikut *film festival* di peringkat antarabangsa.

Namun ada beberapa keluhan dari *local film* iaitu pembuat filem tempatan yang terdiri dari para belia anak-anak tempatan kitani bahawa pihak pawagam (*cinema* ataupun wayang) di negara ini kurang bekerjasama dan tidak menyokong keluaran filem-filem tempatan.

Ada juga pawagam yang langsung tidak memberi layanan kepada mereka sedangkan filem sudahpun siap untuk ditayangkan serta berkualiti mengikut *standard* tayangan.

Sehubungan itu, bolehkah kiranya pihak berkenaan mengadakan satu perintah kepada pihak pawagam iaitu Perintah Wajib Tayang sebagaimana juga Perintah Wajib Tayang ini diadakan di beberapa negara lain.

Sekian,

وبالله التوفيق والهداية. وَ السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan:

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. Terima kasih Yang Berhormat Pengiran Haji Mohamed bin Pengiran Haji Osman @ Othman.

Barangkali ada 4 soalan telah pun diajukan. Mengenai dengan soalan yang:-

1. Ibu tunggal dan balu. Bantuan daripada pihak JAPEM sentiasa diberikan kepada golongan-golongan susah samaada ibu tunggal, balu, wanita akan diberikan secara saksama. Jadi ibu-ibu tunggal dan para balu ini tidak ketinggalan untuk diberikan sokongan dan bantuan khususnya kepada ibu-ibu tunggal dan balu terdiri daripada golongan susah dan berpendapatan rendah.

Dikongsikan di sini bahawa banyak program khususnya dalam memberikan latihan (*skill*) yang dilakukan oleh pihak Jabatan Pembangunan Masyarakat. Jadi saya mengongsikan berkenaan dengan program komuniti. Jadi banyak program-program yang dilaksanakan khusus kepada program komuniti yang disasarkan kepada golongan-golongan susah antara lainnya dan juga daripada penduduk kampung, belia-belia dan lain-lainnya.

Pihak JAPEM dengan kerjasama Pusat Pembangunan Belia telahpun melaksanakan program-program ini yang juga menyasarkan kepada kaum wanita, kaum hawa termasuk kepada ibu tunggal dan balu. Jadi kitani telahpun melaksanakan dan program terakhir sebelum *COVID-19* ialah program jahitan yang telah diberikan kepada kaum hawa Kampung Saba dan kitani telah pun melaksanakan banyak program

kepada kaum hawa yang mana inisiatif ini datang daripada Majlis Mukim Perundingan Kampung, inisiatif daripada Ketua-Ketua Kampung disatukan dan sebagainya.

Jadi kitani akan terus, sebagaimana yang kitani hasratkan Pusat Pembangunan Belia ini ia bukanlah melaksanakan program belia sahaja tetapi program-program komuniti. Jadi ان شاء الله pada ibu-ibu tunggal dan balu, khususnya kepada kaum hawa, program ini ada dilaksanakan di bawah Pusat Pembangunan Belia dan kitani telahpun melaksanakan antara lainnya jahitan, *food and beverages, solic*, banyak program telahpun dilaksanakan. Dan dalam masa yang sama, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan juga telah pun mengeluarkan mengumpulkan modal kepada kaum-kaum hawa. *Especially* kaum hawa yang selalu berminat dengan program komuniti ini.

Selepas sahaja latihan, terus diberikan latihan keusahawanan diteruskan dan sekiranya berjaya dan menunjukkan minat mengikuti program-program bersama dengan dengan BIBD, *Seeds programme* dan sebagainya, mereka akan diberikan program. Perkara ini termasuk kepada ibu tunggal dan balu.

Jadi perkara ini dilaksanakan dan akan terus dilaksanakan agar kaum-kaum ibu-ibu tunggal daripada golongan susah. Jadi program *skill*, latihan, memang diberikan

sepertimana tadi dinyatakan bahawa peruntukan bagi *Seed* ataupun modal ini ada di dalam Pembangunan Masyarakat berjumlah \$27 ribu setahun.

Ini adalah dikhususkan kepada golongan susah termasuklah kaum hawa akan dilaksanakan dan ان شاء الله akan terus dilaksanakan. Jadi, saya menyeru daripada itu untuk diambil peluang-peluang ini. Kebanyakan program-program ini dimulakan daripada Penghulu dan Ketua Kampung yang mengatur kumpulan-kumpulan dan untuk dilaksanakan oleh Pusat Pembangunan Belia. ان شاء الله.

Skim Perumahan. Skim Perumahan ini yang saya nyatakan tadi di dalam mukadimah pembinaan rumah kepada golongan fakir dan miskin adalah satu kepentingan yang tinggi. ان شاء الله di bawah SKN kitani dapat melihat orang yang memohon bagi bantuan kebajikan bulanan kitani dapat menggunakan *artificial interlligence* mengenai dengan berapa ramai orang yang tinggal dalam satu rumah. Jadi kitani dapat membuat penganalisaan siapa yang sepatutnya diberikan keutamaan bagi pembinaan rumah ataupun pemberian rumah. Jadi sistem ini dapat melihat SKN. Itu adalah satu kaedah dalam memberikan keutamaan itu yang pertama.

Dan yang kedua ialah memang dari tahun 2019-2021 di bawah *Picwin* dan juga daripada Yayasan sejumlah 143 buah rumah telah diserahkan dan banyak lagi yang *waiting list* yang masih menunggu bagi pembinaan-pembinaan rumah ini daripada golongan susah.

Jadi dalam pandangan saya ini dalam jawabnya itu sebabnya tadi dinyatakan di dalam mukadimah kitani hendaklah melihat perancangan holistik kepada program-program yang ada pada masa ini, yang pada masa sedang dilihat dan dirancangan di bawah *housing focus group* yang mana di bawah Kementerian Pembangunan bagi melihat pembinaan dan pemilikan rumah kepada golongan-golongan susah. Jadinya ان شاء الله dengan adanya nanti perancangan di bawah *housing focus group* ia akan dapat menambah kepada perancangan yang dilaksanakan pada masa ini. Jadi itulah khususnya golongan-golongan susah.

3. Ialah berkenaan dengan pemantauan dan garis panduan bagi acara-acara sukan pelaksanaan acara-acara sukan. Sebenarnya garis panduan bagi pelaksanaan acara-acara riadah termasuklah sukan ini ada masamasanya yang kitani tidak dapat melaksanakan acara-acara riadah termasuklah sukan juga pada hari-hari dalam kalendar Islam. Ada hari-harinya telah pun dikeluarkan garis panduan ini juga.

Barangkali ان شاء الله kitani akan mengingatkan kepada persatuan kerana banyak acara-acara sukan ini kadang-kadang ianya bukan dilaksanakan oleh persatuan sahaja akan tetapi, kalau sekiranya *event organizer* okay sedikit ia akan melalui proses-prosesnya dipohonkan proses-prosesnya.

Tapi ان شاء الله pihak Kementerian, Belia dan Sukan akan menghormatilah pada malam Jumaat dan juga hari-hari kebesaran Islam. Barangkali untuk melimitkan acara-acara sukan ini, perkara ini akan diingatkan lagi dan pihak kementerian mengucapkan terima kasih juga di atas peringatan ini dan JBS akan terus memantau dan mengingatkan untuk menghormati pada waktu-waktu yang tertentu.

4. Dan akhir sekali berkenaan dengan perfileman. Tidak dapat disangkalkan kitani bersyukur bahawa pembinaan perfileman daripada pihak tempatan semakin meningkat, termasuklah daripada para-para belia.

Dan pihak kementerian mengakui dan memahami keluhan daripada pihak-pihak yang membuat dan melaksanakan perfileman ini mengenai dengan adanya limitasi di dalam menayangkan filem-filem tempatan ini.

Dan pihak Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan pun berusaha dan telah pun membuat perjumpaan juga bersama dengan pihak-pihak filem

industri dan *cinema*, untuk memberikan peluang kepada filem-filem tempatan untuk di tayangkan.

Memanglah salah satu perkara yang ditimbulkan ialah jumlah orang yang akan menonton. Ianya adalah pengimbangan di antara ان شاء الله untuk mendapatkan pendapatan daripada *cinema* dan usaha untuk menayangkan filem tempatan.

Ini yang telah pun diketengahkan dan jadi perkara ini akan diteliti dengan sebaik-baiknya, bersama dengan pihak-pihak *cinema* agar memberikan ruang bagi filem-filem tempatan ini untuk ditayangkan di pawagam-pawagam kitani.

ان شاء الله perkara ini akan ditunduki lagi. Sebenarnya had masa yang telah pun diberikan oleh pawagam-pawagam ini, mereka mahukan masa yang lebih lama akan tetapi had masa yang diberikan untuk menayangkan filem-filem tempatan ini adalah begitu pendek kepada filem-filem tempatan ini berdasarkan kepada keuntungan dan sebagainya. ان شاء الله perkara ini akan ditunduki bersama dengan pewagam-pewagam agar juga memberikan ruang untuk filem-filem tempatan ini untuk ditayangkan.

Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Ahli-ahli Yang Berhormat. الْحَمْدُ لِلَّهِ saya kira cukup sekian kita berbincang mengenai dengan Tajuk Belanjawan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan.

Sekarang saya ingin untuk mengundi bagi Tajuk ini. Ahli-ahli Yang Berhormat yang bersetuju supaya kita meluluskan Tajuk ini, sila angkat tangan.

(Semua Ahli mengangkat tangan tanda bersetuju)

Terima kasih. Semuanya bersetuju.

Yang Dimuliakan Jurutulis: Tajuk Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan iaitu SL01A hingga SL06A, dijadikan sebahagian daripada Jadual.

Yang Berhormat Pengerusi: Ahli-ahli Yang Berhormat. Kita sudahpun selesai meluluskan Tajuk Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan. Maka saya berpendapat ada baiknya Mesyuarat Jawatankuasa ini kita tangguhkan dan kita kembali bersidang semula di Peringkat Majlis Mesyuarat Negara.

(Mesyuarat Jawatankuasa ditangguhkan)

(Majlis Mesyuarat bersidang semula)

Yang Berhormat Yang Di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat. Kita sekarang bersidang semula di Persidangan Majlis Mesyuarat Negara.

Maka saya kira adalah berpatutan sekarang bagi kita untuk menangguhkan Persidangan Majlis Mesyuarat Negara ini dan kita akan bersidang semula, ان شاء الله

pada esok hari iaitu hari Rabu,
2 Mac 2022. Sebagaimana lazim mulai
dari pukul 9.30 pagi.

Sekian,

وبالله التوفيق والهداية. وَ السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

(Majlis Mesyuarat ditangguhkan)